JUZU' KE-26
SURAH
AL-AHQAAF

سُورَةُ الأَحْقَاف

SURAH KE **46**

SURAH AL-AHQAAF

Surah Al-Ahqaaf

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **35**

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 14)

حمٓ ۝١

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ۝٢

مَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ
وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَمَّآ أُنذِرُوا۟ مُعْرِضُونَ ۝٣

قُلْ أَرَءَيْتُم مَّا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَرُونِى مَاذَا خَلَقُوا۟
مِنَ ٱلْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ ۖ ٱئْتُونِى
بِكِتَٰبٍ مِّن قَبْلِ هَٰذَآ أَوْ أَثَٰرَةٍ مِّنْ عِلْمٍ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ۝٤

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّن يَدْعُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَن لَّا
يَسْتَجِيبُ لَهُۥٓ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ وَهُمْ عَن دُعَآئِهِمْ
غَٰفِلُونَ ۝٥

وَإِذَا حُشِرَ ٱلنَّاسُ كَانُوا۟ لَهُمْ أَعْدَآءً وَكَانُوا۟ بِعِبَادَتِهِمْ
كَٰفِرِينَ ۝٦

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلْحَقِّ
لَمَّا جَآءَهُمْ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ۝٧

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ إِنِ ٱفْتَرَيْتُهُۥ فَلَا تَمْلِكُونَ لِى مِنَ
ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا تُفِيضُونَ فِيهِ ۖ كَفَىٰ بِهِۦ شَهِيدًۢا
بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۖ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ۝٨

"Haa. Miim (1). Diturunkan Al-Qur'an ini dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (2). Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran dan dengan tempoh yang tertentu. Dan orang-orang yang kafir telah berpaling dari menerima amaran yang diberikan kepada mereka (3). (Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah. Tunjukkan kepadaku apakah yang telah diciptakan mereka dari bahagian-bahagian bumi ini atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam menciptakan langit itu? Bawalah kepadaku sebuah kitab suci yang diturunkan sebelum Al-Qur'an ini atau bawalah peninggalan ilmu pengetahuan orang-orang dahulu (untuk membenarkan dakwaan kamu itu) jika kamu benar (4). Tidak ada yang lebih sesat dari orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah yang tidak dapat menyahut permohonannya sehingga hari Qiamat sedangkan mereka yang disembahkan itu tidak menyedari permohonan mereka (5). Dan apabila manusia dikumpulkan (pada hari Qiamat), maka sembahan-sembahan itu akan menjadi musuh mereka dan akan mengingkari penyembahan mereka (6). Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, maka berkatalah orang yang kafir itu terhadap Al-Qur'an yang benar sebaik sahaja ia sampai kepada mereka: Ini adalah sihir yang nyata (7). Atau apakah mereka berkata dialah (Muhammad) yang telah merekakannya (Al-Qur'an). Katakanlah kepada mereka: Jika akulah yang merekakan Al-Qur'an ini nescaya kamu tidak berkuasa sedikit pun untuk mempertahankanku dari ('azab) Allah. Dialah yang lebih mengetahui tentang apa yang kamu katakan terhadap Al-Qur'an. Cukuplah Dia menjadi saksi di antaraku dengan kamu, dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih (8).

قُلْ مَا كُنتُ بِدْعًا مِّنَ ٱلرُّسُلِ وَمَآ أَدْرِى مَا يُفْعَلُ بِى
وَلَا بِكُمْ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ وَمَآ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ۝٩

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَكَفَرْتُم بِهِۦ وَشَهِدَ
شَاهِدٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ مِثْلِهِۦ فَـَٔامَنَ وَٱسْتَكْبَرْتُمْ ۖ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ۝١٠

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَوْ كَانَ خَيْرًا مَّا
سَبَقُونَآ إِلَيْهِ ۚ وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا۟ بِهِۦ فَسَيَقُولُونَ هَٰذَآ

إِفْكٌ قَدِيمٌ ﴿١١﴾

وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ وَهَٰذَا كِتَٰبٌ مُّصَدِّقٌ لِّسَانًا عَرَبِيًّا لِّيُنذِرَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ وَبُشْرَىٰ لِلْمُحْسِنِينَ ﴿١٢﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسْتَقَٰمُوا۟ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

"Katakanlah: Aku bukannya seorang rasul pertama di antara para rasul dan aku sendiri tidak mengetahui apakah yang akan dilakukan kepada diriku dan kepada diri kamu. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dan aku tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan yang nyata (9). Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku bagaimana pendapat kamu jika Al-Qur'an datang dari sisi Allah dan kamu ingkarkannya, sedangkan ada seorang saksi dari Bani Israel telah mengakui kitab yang seperti Al-Qur'an (yang diturunkan sebelumnya), lalu ia beriman dan (sebaliknya) kamu telah mengambil sikap yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim (10). Dan orang-orang yang kafir telah berkata kepada orang-orang yang beriman, jika Al-Qur'an itu sesuatu yang baik tentulah mereka tidak akan mendahului kami menerimanya, dan oleh kerana mereka tidak mendapat hidayat dari Al-Qur'an, maka mereka akan berkata: Al-Qur'an ini adalah satu pembohongan yang lama (11). Dan sebelum Al-Qur'an terdapat kitab Musa yang menjadi ikutan dan rahmat, dan kitab Al-Qur'an ini pula adalah sebuah kitab yang mengesahkan kitab-kitab suci yang terdahulu, yang diturunkan dalam bahasa Arab untuk memberi peringatan kepada orang-orang yang zalim dan menyampaikan berita gembira kepada para Muhsinin (12). Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah. Kemudian mereka bersikap jujur (di atas agama Allah), maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan mereka tidak akan berdukacita (13). Merekalah penghuni-penghuni Syurga yang kekal abadi di dalamnya sebagai balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(14)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini membicarakan persoalan 'aqidah, iaitu persoalan beriman kepada Wahdaniyah Allah dan Rububiyah-Nya yang mutlak terhadap alam buana dengan segala isi dan penghuninya, juga persoalan beriman kepada wahyu dan risalah dan menerangkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang rasul yang didahului oleh rasul-rasul yang silam. Beliau telah diwahyukan dengan Al-Qur'an, iaitu kitab Allah yang mengesahkan kitab-kitab suci sebelumnya, juga persoalan beriman kepada kebangkitan semula dan apa yang akan berlaku selepasnya seperti Hisab dan balasan terhadap segala amalan dan segala usaha, segala perbuatan baik dan segala perbuatan jahat dalam kehidupan dunia.

Inilah asas-asas pertama, dan di atas asas-asas inilah Islam menegakkan seluruh binaannya. Kerana itu Al-Qur'an memperkatakan asas-asas ini selaku persoalan pokok dalam setiap Surah Makkiyah dan terus menekankannya dalam Surah Madaniyah setiap kali ia mengemukakan arahan atau undang-undang dan peraturan kehidupan selepas tegaknya kelompok Muslimin dan berdirinya pemerintahan Islam. Ini ialah kerana agama Islam meletakkan persoalan beriman kepada Wahdaniyah Allah S.W.T., beriman kepada kebangkitan Nabi Muhammad s.a.w. dan beriman kepada hari Akhirat dan kepada balasan pada hari itu sebagai pusat di mana berlegarnya seluruh adab cara, peraturan-peraturan dan undang-undang Islam. Seluruhnya mempunyai hubungan yang amat rapat dengannya dan tetap hidup dan segar kerana mendapat kesan yang berterusan dari keimanan itu.

Surah ini membawa persoalan-persoalan iman kepada hati manusia dengan berbagai-bagai jalan dan dengan memetik segala tali perasaannya. Ia membentangkan persoalan ini di dalam berbagai-bagai bidang disertai dengan ayat-ayat kauniyah (kebuanaan), kejiwaan dan sejarah yang amat menarik. Begitu juga ia menjadikan persoalan ini sebagai persoalan seluruh alam buana bukannya persoalan manusia sahaja, kerana itu ia menyebut sebahagian kisah makhluk jin dengan Al-Qur'an ini di samping menyebut pendirian setengah-setengah Bani Israel terhadapnya. Ia jadikan fitrah manusia sebagai saksi sama seperti ia jadikan pendirian setengah-setengah Bani Israel itu sebagai saksi.

Kemudian surah ini membawa hati manusia menjelajah di merata-rata pelosok langit dan bumi dan menonton pemandangan-pemandangan Qiamat di Akhirat, dan seterusnya membawa mereka menonton kebinasaan kaum Hud dan kebinasaan negeri-negeri di sekeliling Makkah. Ia jadikan langit dan bumi selaku sebuah kitab yang memberi penjelasan yang benar sama seperti Al-Qur'an memberi penjelasan yang benar.

******

Surah ini meneruskan penerangan-penerangannya dalam empat pusingan yang berhubung begitu rapat hingga merupakan seolah-olah satu pusingan yang mempunyai empat bahagian.

Pusingan pertama memulakan surah ini dengan dua huruf **"Haa. Miim"** sebagaimana dimulakan enam surah sebelumnya dengan kedua-dua huruf ini, kemudian diiringi dengan isyarat kepada kitab Al-Qur'an yang diwahyukan dari sisi Allah:

حمٓ ﴿١﴾

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ مِنَ ٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَكِيمِ ﴿٢﴾

"Haa. Miim (1). Diturunkan Al-Qur'an ini dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(2)

Setelah itu secara langsung diiringi pula dengan isyarat kepada kitab alam buana yang ditegakkan di atas lunas kebenaran, perencanaan dan pentadbiran yang rapi.

مَا خَلَقْنَا ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَمَّآ أُنذِرُوا۟ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

"Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran dan dengan tempoh yang tertentu. Dan orang-orang yang kafir telah berpaling dari menerima amaran yang diberikan kepada mereka."(3)

Jadi, kitab Al-Qur'an yang dibaca dan kitab alam buana yang dilihat itu adalah sama-sama ditegakkan di atas lunas kebenaran dan perencanaan yang rapi, tetapi:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَمَّآ أُنذِرُوا۟ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

"Orang-orang yang kafir berpaling dari menerima amaran yang diberikan kepada mereka."(3)

Selepas kata pembukaan yang kuat dan lengkap ini, Al-Qur'an mula membentangkan persoalan 'aqidah itu dengan mengingkarkan kepercayaan syirik yang dipegang oleh kaum Musyrikin, iaitu kepercayaan yang tidak berasaskan kepada realiti alam buana dan tidak bersandar kepada keterangan-keterangan yang benar dan ilmu pengetahuan yang kukuh yang ditinggalkan oleh orang-orang yang terdahulu:

قُلْ أَرَءَيْتُم مَّا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَرُونِى مَاذَا خَلَقُوا۟ مِنَ ٱلْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ ۖ ٱئْتُونِى بِكِتَٰبٍ مِّن قَبْلِ هَٰذَآ أَوْ أَثَٰرَةٍ مِّنْ عِلْمٍ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah. Tunjukkan kepadaku apakah yang telah diciptakan mereka dari bahagian-bahagian bumi ini atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam menciptakan langit itu? Bawalah kepadaku sebuah kitab suci yang diturunkan sebelum Al-Qur'an ini atau bawalah peninggalan ilmu pengetahuan orang-orang dahulu (untuk membenarkan dakwaan kamu itu) jika kamu benar."(4)

Juga mengecam kesesatan mereka yang menyembah selain dari Allah, iaitu sembahan yang tidak dapat mendengar dan memperkenankan apapun permohonan penyembah-penyembahnya, dan yang akan memusuhinya pada hari Qiamat dan membersihkan dirinya dari tanggungjawab penyembahan mereka terhadapnya pada hari Qiamat yang amat mencemaskan itu.

Selepas itu ia membentangkan sambutan mereka yang buruk terhadap Al-Qur'an yang dibawa oleh Muhammad Rasulullah s.a.w. dan menerangkan perkataan mereka kepada beliau:

هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾

"Ini adalah satu sihir yang nyata."(7)

Juga menerangkan tuduhan mereka yang melampau hingga sanggup mengatakan bahawa beliaulah yang merekakan Al-Qur'an itu. Dan seterusnya ia mengajar Rasulullah s.a.w. supaya memberi jawapan yang layak dengan seorang Nabi, iaitu jawapan yang terbit dari perasaan takut dan taqwa kepada Allah dan menyerahkan segala urusan itu kepada Allah di dunia dan di Akhirat:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلْحَقِّ لَمَّا جَآءَهُمْ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾ أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ إِنِ ٱفْتَرَيْتُهُۥ فَلَا تَمْلِكُونَ لِى مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا تُفِيضُونَ فِيهِ ۖ كَفَىٰ بِهِۦ شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۖ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٨﴾ قُلْ مَا كُنتُ بِدْعًا مِّنَ ٱلرُّسُلِ وَمَآ أَدْرِى مَا يُفْعَلُ بِى وَلَا بِكُمْ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ وَمَآ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٩﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, maka berkatalah orang yang kafir itu terhadap Al-Qur'an yang benar sebaik sahaja ia sampai kepada mereka: Ini adalah sihir yang nyata (7). Atau apakah mereka berkata Dialah (Muhammad) yang telah merekakannya (Al-Qur'an). Katakanlah kepada mereka: Jika akulah yang merekakan Al-Qur'an ini nescaya kamu tidak berkuasa sedikit pun untuk mempertahankanku dari ('azab) Allah. Dialah yang lebih mengetahui tentang apa yang kamu katakan terhadap Al-Qur'an. Cukuplah Dia menjadi saksi di antaraku dengan kamu, dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih (8). Katakanlah: Aku bukan seorang rasul pertama di antara para rasul dan aku sendiri tidak mengetahui apakah yang akan dilakukan kepada diriku dan kepada diri kamu. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dan aku tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan yang nyata."(9)

Al-Qur'an seterusnya menghujahkan mereka dengan pendirian atau pengakuan setengah tokoh dari Bani Israel yang telah mendapat hidayat apabila mereka dapati di dalam Al-Qur'an itu keterangan yang mengesahkan Kitab Taurat yang diturunkan kepada Musa a.s. yang diketahui mereka:

فَـَٔامَنَ وَٱسۡتَكۡبَرۡتُمۡۖ

"Lalu ia beriman dan (sebaliknya) kamu telah mengambil sikap yang angkuh."(10)

Dan kemudian Al-Qur'an mengecam sikap mereka yang zalim, yang terus berdegil mendustakan Al-Qur'an walaupun kebenarannya telah diakui tokoh-tokoh Ahlil-Kitab yang bijak:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ١٠

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim."(10)

Kemudian ia membentangkan pula alasan-alasan mereka yang lemah terhadap sikap mereka yang degil itu apabila mereka mengemukakan pandangan mereka terhadap orang-orang yang beriman:

لَوۡ كَانَ خَيۡرٗا مَّا سَبَقُونَآ إِلَيۡهِۚ

"Jika Al-Qur'an itu sesuatu yang baik tentulah mereka tidak akan mendahului kami menerimanya."(11)

Kemudian Al-Qur'an mendedah sebab perlakuan mereka yang keji itu:

وَإِذۡ لَمۡ يَهۡتَدُواْ بِهِۦ فَسَيَقُولُونَ هَٰذَآ إِفۡكٞ قَدِيمٞ ١١

"Dan kerana mereka tidak mendapat hidayat dari Al-Qur'an, maka mereka akan berkata: Al-Qur'an ini adalah satu pembohongan yang lama."(11)

Kemudian ia memberi isyarat kepada kitab Musa a.s. sebelumnya yang disahkan kebenarannya oleh Al-Qur'an, juga memperkatakan tugas Al-Qur'an:

لِّيُنذِرَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ وَبُشۡرَىٰ لِلۡمُحۡسِنِينَ ١٢

"Untuk memberi peringatan kepada orang-orang yang zalim dan menyampaikan berita gembira kepada para Muhsinin."(12)

Pusingan ini diakhiri dengan memperincikan berita gembira yang disampaikan kepada orang-orang yang beriman kepada Allah dan bersikap jujur di jalan Allah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُواْ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسۡتَقَٰمُواْ فَلَا خَوۡفٌ
عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ١٣
أُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلۡجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا جَزَآءَۢ بِمَا كَانُواْ
يَعۡمَلُونَ ١٤

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan Kami ialah Allah. Kemudian mereka bersikap jujur (di atas agama Allah), maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan mereka tidak akan berdukacita (13). Merekalah penghuni-penghuni Syurga yang kekal abadi di dalamnya sebagai balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(14)

Pusingan yang kedua mengemukakan dua contoh fitrah manusia iaitu fitrah yang jujur dan fitrah yang menyeleweng dalam menghadapi persoalan 'aqidah. Ia menerangkan perkembangan kedua-dua manusia ini dari sejak permulaan jadi lagi, iaitu sejak kedua-duanya masih dalam pelukan kedua ibubapa mereka, ia ikuti tindak-tanduk mereka ketika mereka meningkat dewasa dan memikul tanggungjawab dan bebas. Orang yang pertama sentiasa mengenangkan ni'mat Allah dan berbakti kepada kedua ibu bapanya, sentiasa gemar menunaikan kewajipan bersyukur kepada Allah dan sentiasa bertaubat, merendah dan menyerahkan diri kepada Allah:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ نَتَقَبَّلُ عَنۡهُمۡ أَحۡسَنَ مَا عَمِلُواْ
وَنَتَجَاوَزُ عَن سَيِّـَٔاتِهِمۡ فِيٓ أَصۡحَٰبِ ٱلۡجَنَّةِۖ وَعۡدَ
ٱلصِّدۡقِ ٱلَّذِي كَانُواْ يُوعَدُونَ ١٦

"Merekalah orang-orang yang Kami terima dari mereka sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka dan Kami ampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Mereka adalah dari penghuni-penghuni Syurga sebagai memenuhi janji yang benar yang telah dijanjikan kepada mereka."(16)

Dan orang yang satu lagi menderhaka kepada kedua ibubapanya di samping menderhaka kepada Tuhannya, tidak percaya dan ingkarkan hari Akhirat. Kedua-dua orang tuanya begitu sukar dan penat (untuk menghadapinya):

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ حَقَّ عَلَيۡهِمُ ٱلۡقَوۡلُ فِيٓ أُمَمٖ قَدۡ خَلَتۡ مِن
قَبۡلِهِم مِّنَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِۖ إِنَّهُمۡ كَانُواْ خَٰسِرِينَ ١٨

"Merekalah orang-orang yang tetap menerima keputusan ditimpa 'azab bersama umat-umat yang lampau sebelum mereka, yang terdiri dari jin dan manusia. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang rugi."(18)

Pusingan ini diakhiri dengan satu pemandangan sekilas, iaitu satu pemandangan Akhirat yang menayangkan nasib kesudahan golongan ini:

وَيَوۡمَ يُعۡرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ عَلَى ٱلنَّارِ أَذۡهَبۡتُمۡ طَيِّبَٰتِكُمۡ فِي
حَيَاتِكُمُ ٱلدُّنۡيَا وَٱسۡتَمۡتَعۡتُم بِهَا فَٱلۡيَوۡمَ تُجۡزَوۡنَ عَذَابَ
ٱلۡهُونِ بِمَا كُنتُمۡ تَسۡتَكۡبِرُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ ٱلۡحَقِّ
وَبِمَا كُنتُمۡ تَفۡسُقُونَ ٢٠

"Dan (kenangilah) hari (Qiamat) ketika orang-orang kafir didedahkan kepada api Neraka (dan dikatakan kepada mereka): Kamu telah menghabiskan ni'mat-ni'mat kamu yang baik di dunia dan telah bersenang-senang meni'matinya. Tetapi pada hari ini kamu dibalaskan dengan 'azab kehinaan kerana kamu berlagak angkuh di bumi tanpa sebab yang sebenar dan kerana perbuatan kamu yang fasiq."(20)

Pusingan yang ketiga membawa kaum Musyrikin kepada kisah kebinasaan kaum 'Ad apabila mereka mendustakan Rasul mereka. Dalam kisah ini diceritakan tentang angin yang dahsyat. Mula-mulanya mereka mengharapkan angin itu membawa hujan dan kesuburan, tiba-tiba ia membawa kebinasaan, kemusnahan dan 'azab yang dipinta mereka supaya disegerakannya:

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُّسْتَقْبِلَ أَوْدِيَتِهِمْ قَالُوا هَٰذَا عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا ۚ بَلْ هُوَ مَا اسْتَعْجَلْتُم بِهِ ۖ رِيحٌ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٤﴾

تُدَمِّرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا فَأَصْبَحُوا لَا يُرَىٰ إِلَّا مَسَاكِنُهُمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٥﴾

"Apabila mereka melihat 'azab itu berupa tompokan awan yang menuju ke arah wadi-wadi mereka, lalu mereka pun berkata: Inilah awan yang akan membawa hujan kepada kita. (Tetapi sebenarnya bukan) bahkan itulah 'azab yang kamu pinta disegerakan kedatangannya. Itulah angin yang membawa 'azab yang amat pedih (24). Yang menghancur-leburkan segala sesuatu dengan perintah Tuhannya dan (mereka binasa semuanya). Tiada sesuatu yang kelihatan melainkan tempat-tempat kediaman mereka sahaja. Demikianlah Kami membalas kaum yang berdosa."(25)

Al-Qur'an menyentuh mereka (kaum Musyrikin) dengan peristiwa kebinasaan 'Ad ini dan mengingatkan mereka bahawa kaum 'Ad yang dibinasakan itu adalah lebih kuat dan lebih kaya dari mereka:

وَلَقَدْ مَكَّنَّاهُمْ فِيمَا إِن مَّكَّنَّاكُمْ فِيهِ وَجَعَلْنَا لَهُمْ سَمْعًا وَأَبْصَارًا وَأَفْئِدَةً فَمَا أَغْنَىٰ عَنْهُمْ سَمْعُهُمْ وَلَا أَبْصَارُهُمْ وَلَا أَفْئِدَتُهُم مِّن شَيْءٍ إِذْ كَانُوا يَجْحَدُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah meneguhkan kedudukan mereka yang belum pernah Kami teguhkan kedudukan kamu sepertinya. Dan Kami telah ciptakan untuk mereka pendengaran, penglihatan dan hati, tetapi pendengaran mereka, penglihatan mereka dan hati mereka tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka, kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah (dan akibatnya) mereka telah dikepung 'azab yang diejek-ejekkan mereka."(26)

Dan pada akhir pusingan ini Al-Qur'an mengingatkan kaum Musyrikin dengan kebinasaan-kebinasaan yang menimpa umat-umat di sekeliling mereka dan kelemahan tuhan-tuhan mereka untuk menolong mereka, juga menerangkan bahawa segala tindak tanduk mereka yang dusta itu telah pun terdedah supaya mereka insaf dan kembali ke jalan yang benar.

Pusingan yang keempat membawa kisah sekumpulan jin dengan Al-Qur'an iaitu ketika Allah mendorongkan mereka supaya mendengar Al-Qur'an. Mereka tidak dapat menahan diri mereka dari terpengaruh dan menyambut da'wah Al-Qur'an serta mengakui kebenarannya:

قَالُوا يَا قَوْمَنَا إِنَّا سَمِعْنَا كِتَابًا أُنزِلَ مِن بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِي إِلَى الْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

"Mereka berkata: Wahai kaum Kami! Sesungguhnya Kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus."(30)

Kemudian mereka (kumpulan jin) pulang mengingatkan kaum mereka dan menyeru mereka supaya beriman:

يَا قَوْمَنَا أَجِيبُوا دَاعِيَ اللَّهِ وَآمِنُوا بِهِ يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾

وَمَن لَّا يُجِبْ دَاعِيَ اللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِي الْأَرْضِ وَلَيْسَ لَهُ مِن دُونِهِ أَوْلِيَاءُ ۚ أُولَٰئِكَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾

"Wahai kaum Kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih (31). Dan barang siapa yang tidak menyambut seruan Rasul yang menyeru kepada Allah, maka ia tidak akan dapat melemahkan Allah (dari mengazabkannya) di bumi ini dan tiada penaung-penaung baginya selain dari Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata."(32)

Percakapan kumpulan jin itu mengandungi isyarat kepada kitab alam buana yang terbuka, yang menunjukkan qudrat Allah yang berkuasa mencipta pada kali yang pertama dan berkuasa pula mengulangkan penciptaan itu:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَمْ يَعْيَ بِخَلْقِهِنَّ بِقَادِرٍ عَلَىٰ أَن يُحْيِيَ الْمَوْتَىٰ ۚ بَلَىٰ إِنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾

"Tidakkah mereka memperhatikan bahawa Allah yang telah menciptakan langit dan bumi tanpa mengalami kesulitan dalam menciptakan keduanya, adalah berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati? Malah

sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(33)

Di sini Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan pemandangan orang-orang kafir pada hari mereka didedahkan kepada api Neraka di mana mereka mengaku segala apa yang diingkarkan mereka, tetapi sayang peluang untuk membuat pengakuan dan menyatakan keyakinan tidak ada lagi.

Akhirnya surah ini ditamatkan dengan satu arahan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau bersabar dan jangan memohon supaya disegerakan 'azab ke atas kaum Musyrikin itu, kerana mereka hanya diberi tempoh yang pendek sahaja dan setelah itu 'azab dan kemusnahan akan datang menimpa mereka:

فَاصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُولُوا الْعَزْمِ مِنَ الرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِل لَّهُمْ ۚ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبَثُوا إِلَّا سَاعَةً مِّن نَّهَارٍ ۚ بَلَاغٌ ۚ فَهَلْ يُهْلَكُ إِلَّا الْقَوْمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Oleh itu bersabarlah (wahai Muhammad) sebagaimana sabarnya rasul-rasul Ulul-'Azmi dan janganlah engkau minta disegerakan 'azab ke atas mereka. Pada hari mereka melihat 'azab yang diancamkan kepada mereka, mereka merasa seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia ini melainkan hanya selama sesa'at sahaja dari hari siang. Ini adalah satu pengumuman amaran. Ingatlah! Tiada yang dibinasakan melainkan kaum yang fasiq."(35)

Sekarang marilah kita memperincikan pusingan-pusingan itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلُ الْكِتَابِ مِنَ اللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَكِيمِ ﴿٢﴾ مَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ۚ وَالَّذِينَ كَفَرُوا عَمَّا أُنذِرُوا مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

"Haa. Miim (1). Diturunkan Al-Qur'an ini dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (2). Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran dan dengan tempoh yang tertentu. Dan orang-orang yang kafir telah berpaling dari menerima amaran yang diberikan kepada mereka."(3)

Hubungan Kitab Al-Qur'an Yang Dibaca Dengan Kitab Alam Buana Yang Dilihat

Inilah nada pertama bahagian permulaan surah ini. Ia menyentuh hubungan di antara huruf-huruf Arab yang digunakan di dalam pertuturan mereka dengan kitab Al-Qur'an yang digubahkan dengan huruf-huruf yang sama, iaitu digubah dengan gaya dan uslub yang berlainan dari percakapan manusia. Ini merupakan bukti bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana. Di samping itu ia juga menyentuh hubungan di antara kitab Allah yang dibaca dan yang diturunkan dari-Nya dengan kitab alam buana yang dilihat semua mata dan dibaca oleh semua hati.

Kedua-dua kitab itu ditegakkan di atas lunas kebenaran dan pentadbiran yang rapi. Al-Qur'an diturunkan dari Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana. Ia merupakan fenomena dari qudrat dan kebijaksanaan Allah. Penciptaan langit dan bumi dan makhluk-makhluk di antara keduanya adalah berkaitan dengan lunas kebenaran:

مَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ

"......... Kami tidak ciptakan langit dan bumi dan segala kejadian yang ada di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran"(3)

dan dengan perencanaan yang rapi:

وَأَجَلٍ مُّسَمًّى

"........dan dengan tempoh yang tertentu"(3)

dan dalam tempoh itulah terlaksananya hikmat Allah yang mencipta makhluk-makhluk itu dan menentukan matlamat akhirnya.

Kedua-dua kitab itu adalah terbuka dan terbentang kepada semua pandangan dan pendengaran. Kedua-duanya memperlihatkan qudrat Allah, mengakui hikmat kebijaksanaan-Nya dan membuktikan perencanaan dan pentadbiran-Nya yang rapi. Kitab alam buana yang dilihat membuktikan kebenaran kitab Al-Qur'an yang dibaca dengan segala isinya. Ia memberi amaran dan berita gembira, tetapi:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا عَمَّا أُنذِرُوا مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

"...... orang-orang yang kafir telah berpaling dari menerima amaran yang diberikan kepada mereka."(3)

Inilah pernyataan kehairanan yang mengandungi kecaman yang dibayangkan isyarat kepada kitab Al-Qur'an yang diturunkan Allah dan kitab alam buana yang dilihat mata.

Kitab Al-Qur'an yang diturun dan dibaca itu menegaskan bahawa Allah itu Tunggal tidak berbilang. Allah itulah Tuhan yang memelihara segala sesuatu kerana Dialah yang menciptakan segala sesuatu. Dialah yang mentadbir dan menentukan taqdir segala sesuatu. Hakikat inilah yang diterangkan kitab alam buana yang hidup ini, kerana segala peraturan dan susunan-susunannya yang rapi dan serasi itu menyaksikan Wahdaniyah Allah Tuhan Pencipta, Penentu taqdir dan Pemelihara. Dia mencipta dengan ilmu pengetahuan dan ciri penciptaan-Nya adalah sama sahaja dalam segala apa yang dicipta dan yang dijadikan-Nya. Mengapa manusia menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah? Apakah yang telah dijadikan oleh tuhan-tuhan itu? Lihatlah alam buana yang terbentang kepada semua mata dan hati manusia. Apakah sumbangan

yang diberikan oleh tuhan-tuhan itu? Apakah di antara bahagian alam buana ini yang telah diciptakan mereka?

قُلْ أَرَءَيْتُم مَّا تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَرُونِى مَاذَا خَلَقُوا۟ مِنَ ٱلْأَرْضِ أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ ۖ ٱئْتُونِى بِكِتَٰبٍ مِّن قَبْلِ هَٰذَآ أَوْ أَثَٰرَةٍ مِّنْ عِلْمٍ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤﴾

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku tentang tuhan-tuhan yang kamu sembah selain dari Allah. Tunjukkan kepadaku apakah yang telah diciptakan mereka dari bahagian-bahagian bumi ini atau adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam menciptakan langit itu? Bawalah kepadaku sebuah kitab suci yang diturunkan sebelum Al-Qur'an ini atau bawalah peninggalan ilmu pengetahuan orang-orang dahulu (untuk membenarkan dakwaan kamu itu) jika kamu benar."(4)

Inilah ajaran Allah S.W.T. kepada Rasul-Nya s.a.w. untuk menghadapi kaum Musyrikin dengan pengakuan alam yang terbuka iaitu sebuah kitab yang tidak dapat dipertikaikan lagi kecuali kerana semata-mata suka bertengkar dan berdalih. Ia berbicara dengan fitrah manusia mengikut lojiknya, kerana di antara alam buana dan fitrah manusia terdapat satu hubungan peribadi yang halus yang sukar untuk diatasi dan dikelirukannya.

أَرُونِى مَاذَا خَلَقُوا۟ مِنَ ٱلْأَرْضِ

"...... tunjukkan kepadaku apakah yang telah diciptakan mereka dari bahagian-bahagian bumi ini?"(4)

Tuhan-tuhan Palsu

Tiada manusia yang akan sanggup mendakwa bahawa sembahan-sembahan itu sama ada batu, pokok, jin, malaikat dan lain-lainnya telah menciptakan sesuatu dari bumi ini atau telah menciptakan sesuatu di bumi ini, kerana logik fitrah dan logik realiti akan mencabar dengan lantang mana-mana dakwaan yang seperti itu.

أَمْ لَهُمْ شِرْكٌ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ

"....... adakah mereka mempunyai sebarang perkongsian (dengan Allah) dalam menciptakan langit-langit itu?"(4)

Begitu juga tiada seorang manusia yang akan sanggup mendakwa bahawa sembahan-sembahan itu mempunyai sebarang bentuk perkongsian atau kerjasama dengan Allah dalam menciptakan langit atau dalam memegang hak miliknya. Menungan dan renungan ke langit menimbulkan di dalam hati manusia perasaan mengakui kebesaran Allah Tuhan Pencipta dan menimbulkan kesedaran terhadap Wahdaniyah-Nya, di samping menolak segala pandangan yang menyeleweng dan sesat terhadap Allah.

Allah yang menurunkan Al-Qur'an itu memang tahu bagaimana besarnya kesan pengamatan dan penelitian terhadap alam buana itu kepada hati manusia, kerana itu Allah menarik perhatian mereka kepada kitab alam buana supaya mereka merenungi, meneliti dan mengambil bukti-bukti darinya dan mendengar suara seruannya yang langsung kepada hati mereka.

Kemudian Al-Qur'an menyekat jalan yang mungkin membawa setengah-setengah orang kepada penyelewengan hingga sanggup membuat dakwaan itu dan ini tanpa hujah dan dalil. Ia menyekat jalan itu dan menuntut mereka supaya mengemukakan dalil-dalil dan alasan-alasan, serta mengajar mereka cara istidlal yang betul dan menggunakan methodologi yang bersih dalam membuat sesuatu penelitian, hukuman dan penilaian:

ٱئْتُونِى بِكِتَٰبٍ مِّن قَبْلِ هَٰذَآ أَوْ أَثَٰرَةٍ مِّنْ عِلْمٍ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤﴾

"........ bawalah kepadaku sebuah kitab suci yang diturunkan sebelum Al-Qur'an ini atau bawa peninggalan ilmu pengetahuan orang-orang dahulu (untuk membenarkan dakwaan kamu itu) jika kamu benar."(40)

Yang perlu ditunjukkan ialah sama ada hujah dari kitab yang benar yang diturunkan dari Allah atau hujah dari ilmu pengetahuan yang yakin dan kukuh, kerana semua kitab-kitab yang diturunkan sebelum Al-Qur'an adalah mengakui sifat Wahdaniyah Allah Tuhan Pencipta, Pentadbir dan Pengatur taqdir. Tiada sebuah kitab suci pun yang mengaku khurafat tuhan-tuhan yang berbilang-bilang itu atau yang menerangkan bahawa tuhan-tuhan yang banyak itu telah menciptakan sebahagian dari bumi atau mempunyai perkongsian dengan Allah dalam menciptakan langit. Begitu juga tiada ilmu, pengetahuan yang benar dan kukuh yang menyokong dakwaan yang reput itu.

Demikianlah Al-Qur'an mencabar kaum Musyrikin dengan penyaksian dan pengakuan alam buana, iaitu satu pengakuan yang amat kuat dan tegas. Al-Qur'an juga menyekat jalan membuat dakwaan tanpa dalil dan mengajar mereka cara membuat kajian yang betul. Semuanya itu terkandung dalam satu ayat yang mengandungi kata-kata yang sedikit, tetapi luas pengertiannya, kuat nadanya, tegas segala dalilnya.

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka supaya memikirkan hakikat tuhan-tuhan yang didakwakan itu dengan pandangan objektif dan menyelar perbuatan mereka menyembah tuhan-tuhan itu, sedangkan mereka tidak akan menyahuti seruan mereka, malah tidak menyedari permohonan mereka di dunia, kemudian pada hari Qiamat pula mereka akan

memusuhi mereka dan mengingkarkan dakwaan mereka yang menyembah mereka sebagai Tuhan:

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّن يَدْعُوا مِن دُونِ اللَّهِ مَن لَّا يَسْتَجِيبُ لَهُ إِلَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَهُمْ عَن دُعَائِهِمْ غَافِلُونَ ﴿٥﴾

وَإِذَا حُشِرَ النَّاسُ كَانُوا لَهُمْ أَعْدَاءً وَكَانُوا بِعِبَادَتِهِمْ كَافِرِينَ ﴿٦﴾

"Tidak ada yang lebih sesat dari orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah yang tidak dapat menyahut permohonannya sehingga hari Qiamat, sedangkan mereka yang disembahkan itu tidak menyedari permohonan mereka (5). Dan apabila manusia dikumpulkan (pada hari Qiamat), maka sembahan-sembahan itu akan menjadi musuh mereka dan akan mengingkari penyembahan mereka."(6)

Setengah-setengah mereka menyembah berhala-berhala sebagai tuhan-tuhan sama ada mereka menyembah berhala itu sendiri atau sebagai patung-patung malaikat. Setengahnya pula menyembah pokok, setengah yang lain menyembah malaikat atau syaitan secara langsung. Dan semua sembahan-sembahan itu sama sekali tidak menyahuti seruan-seruan mereka atau tidak memberi sebarang sahutan yang berguna. Batu-batu dan pokok-pokok tidak menyahut. Malaikat-malaikat tidak menyahuti seruan orang-orang Musyrikin, syaitan-syaitan tidak menyahut melainkan dengan bisikan-bisikan yang jahat dan sesat. Dan pada hari Qiamat apabila dikumpulkan seluruh manusia untuk mengadap Allah, tuhan-tuhan yang disembahkan itu akan berlepas tangan dan membersihkan diri mereka dari perbuatan manusia yang menyembah mereka. Malah syaitan sendiri turut berlepas tangan sebagaimana diterangkan dalam satu surah yang lain:

وَقَالَ الشَّيْطَانُ لَمَّا قُضِيَ الْأَمْرُ إِنَّ اللَّهَ وَعَدَكُمْ وَعْدَ الْحَقِّ وَوَعَدتُّكُمْ فَأَخْلَفْتُكُمْ ۖ وَمَا كَانَ لِيَ عَلَيْكُم مِّن سُلْطَانٍ إِلَّا أَن دَعَوْتُكُمْ فَاسْتَجَبْتُمْ لِي ۖ فَلَا تَلُومُونِي وَلُومُوا أَنفُسَكُم ۖ مَّا أَنَا بِمُصْرِخِكُمْ وَمَا أَنتُم بِمُصْرِخِيَّ ۖ إِنِّي كَفَرْتُ بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِن قَبْلُ ۗ إِنَّ الظَّالِمِينَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Dan berkatalah syaitan setelah selesai urusan Hisab: Sesungguhnya Allah telah menjanjikan kamu dengan janji yang benar, aku juga telah menjanjikan kamu, tetapi aku mungkirkan janjiku dengan kamu. Aku tidak mempunyai sebarang kuasa di atas kamu melainkan sekadar menyeru kamu lalu kamu menyahuti seruanku. Oleh sebab itu janganlah kamu salahkanku, salahkanlah diri kamu sendiri. Aku tidak dapat menolong kamu dan kamu tidak dapat menolongku. Sesungguhnya aku tidak membenarkan perbuatan kamu mempersekutukan aku (dengan Allah) sebelum ini. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu akan memperolehi 'azab yang amat pedih."

(Surah Ibrahim: 22)

Demikianlah Al-Qur'an meletakkan kaum Musyrikin di hadapan hakikat dakwaan mereka yang mempertuhankan berhala-berhala itu dan akibat buruk baiknya di dunia dan Akhirat setelah ia meletakkan mereka di hadapan hakikat alam buana yang telah menolak dakwaan itu. Dari kedua-dua keadaan itu muncullah hakikat yang kukuh iaitu hakikat Wahdaniyah Allah yang dituturkan kitab alam buana, hakikat Wahdaniyah yang diwajibkan oleh kepentingan kaum Musyrikin itu sendiri supaya memikirkan akibat buruk baik mereka di dunia dan Akhirat. Apabila Al-Qur'an mengecam kesesatan manusia yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, iaitu tuhan-tuhan yang tidak dapat menyahuti seruan mereka hingga ke hari Qiamat, maka yang dimaksudkan dengan tuhan-tuhan itu ialah tuhan-tuhan yang terkenal dalam sejarah manusia semasa diturunkan Al-Qur'an ini. Namun demikian, maksud nas-nas Al-Qur'an ini adalah lebih luas dan lebih jauh dari peristiwa sejarah itu lagi. Tiada yang lebih sesat dari orang-orang yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah biarpun di mana-mana zaman dan di mana-mana tempat sekalipun. Semua tuhan-tuhan itu walaupun siapa sahaja tidak dapat memberi sesuatu kepada orang-orang yang menyembah mereka. Hanya Allah sahaja yang berkuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya.

Perbuatan syirik itu tidak hanya terhenti di atas gambaran-gambaran atau bentuk rupanya yang bersahaja yang dikenali oleh kaum Musyrikin di zaman dahulu. Di sana ramai golongan Musyrikin yang mempersekutui Allah dengan tokoh-tokoh yang berkuasa, tokoh-tokoh yang berpegang dan tokoh-tokoh yang mempunyai kekayaan. Mereka meletakkan harapan pada mereka dan menumpukan permohonan dan pujian kepada mereka, sedangkan tokoh-tokoh itu terlalu lemah untuk menyahuti permohonan mereka dengan sahutan yang hakiki, kerana seluruh mereka tidak menguasai manfa'at dan mudarat bagi diri mereka sendiri. Perbuatan memohon pada mereka adalah perbuatan syirik. Perbuatan meletakkan harapan pada mereka adalah perbuatan syirik. Takut kepada mereka adalah syirik tetapi syirik ini ialah syirik khafi yang dilakukan tanpa kesedaran oleh sebilangan manusia yang ramai.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 12)

Kemudian Al-Qur'an terus memperkatakan tentang pendirian kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w.

dan terhadap wahyu yang benar yang dibawa olehnya, setelah memperkatakan tentang keadaan mereka dan tentang keruntuhan 'aqidah syirik mereka, di samping itu ia menjelaskan persoalan wahyu sebagaimana ia menjelaskan persoalan tauhid:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتُنَا بَيِّنَٰتٍ قَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلْحَقِّ
لَمَّا جَآءَهُمْ هَٰذَا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿٧﴾
أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ إِنِ ٱفْتَرَيْتُهُۥ فَلَا تَمْلِكُونَ لِى مِنَ
ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا تُفِيضُونَ فِيهِ ۖ كَفَىٰ بِهِۦ شَهِيدًۢا
بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۖ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٨﴾
قُلْ مَا كُنتُ بِدْعًا مِّنَ ٱلرُّسُلِ وَمَآ أَدْرِى مَا يُفْعَلُ بِى
وَلَا بِكُمْ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ وَمَآ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٩﴾
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَكَفَرْتُم بِهِۦ وَشَهِدَ
شَاهِدٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ مِثْلِهِۦ فَـَٔامَنَ وَٱسْتَكْبَرْتُمْ ۖ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَوْ كَانَ خَيْرًا مَّا
سَبَقُونَآ إِلَيْهِ ۚ وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا۟ بِهِۦ فَسَيَقُولُونَ هَٰذَآ
إِفْكٌ قَدِيمٌ ﴿١١﴾
وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ وَهَٰذَا
كِتَٰبٌ مُّصَدِّقٌ لِّسَانًا عَرَبِيًّا لِّيُنذِرَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟
وَبُشْرَىٰ لِلْمُحْسِنِينَ ﴿١٢﴾

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, maka berkatalah orang yang kafir itu terhadap Al-Qur'an yang benar sebaik sahaja ia sampai kepada mereka: Ini adalah sihir yang nyata (7). Atau apakah mereka berkata dialah (Muhammad) yang telah merekakannya (Al-Qur'an). Katakanlah kepada mereka: Jika akulah yang merekakan Al-Qur'an ini nescaya kamu tidak berkuasa sedikit pun untuk mempertahankanku dari ('azab) Allah. Dialah yang lebih mengetahui tentang apa yang kamu katakan terhadap Al-Qur'an. Cukuplah dia menjadi saksi di antaraku dengan kamu, dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih (8). Katakanlah: Aku bukannya seorang rasul pertama di antara para rasul dan aku sendiri tidak mengetahui apakah yang akan dilakukan kepada diriku dan kepada diri kamu. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dan aku tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan yang nyata (9). Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku bagaimana pendapat kamu jika Al-Qur'an datang dari sisi Allah, dan kamu ingkarkannya, sedangkan ada seorang saksi dari Bani Israel telah mengakui kitab yang seperti Al-Qur'an (yang diturunkan sebelumnya) lalu ia beriman dan (sebaliknya) kamu telah mengambil sikap yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim (10). Dan orang-orang yang kafir telah berkata kepada orang-orang yang beriman, jika Al-Qur'an itu sesuatu yang baik tentulah mereka tidak akan mendahului kami menerimanya, dan oleh kerana mereka tidak mendapat hidayat dari Al-Qur'an, maka mereka akan berkata: Al-Qur'an ini adalah satu pembohongan yang lama (11). Dan sebelum Al-Qur'an terdapat kitab Musa yang menjadi ikutan dan rahmat, dan kitab Al-Qur'an ini pula adalah sebuah kitab yang mengesahkan kitab-kitab suci yang terdahulu yang diturunkan dalam bahasa Arab untuk memberi peringatan kepada orang-orang yang zalim dan menyampaikan berita gembira kepada para Muhsinin."(12)

Pendirian Kaum Musyrikin Terhadap Rasulullah s.a.w.

Mula-mula ayat ini memperkatakan persoalan wahyu dengan menghinakan pendapat mereka dan mengecam cara sambutan terhadap wahyu Allah, sedangkan ayat-ayat yang diturunkan itu adalah begitu jelas, tidak terdapat sebarang kekeliruan, kesamaran dan keraguan. Wahyu, itu adalah wahyu yang benar dari Allah yang tidak boleh dipertikaikan lagi, sedangkan mereka mengecapkan ayat-ayat dan wahyu yang benar itu sebagai "sihir yang nyata" dan tentulah perbezaan di antara kebenaran dan sihir itu amat jauh. Kedua-duanya tidak bercampuraduk dan tidak mengelirukan.

Demikianlah Al-Qur'an dari awal-awal lagi menyerang perkataan mereka yang zalim dan dakwaan mereka yang buruk terhadap Al-Qur'an, yang tidak berlandaskan sebarang dalil.

Kemudian ia meningkatkan lagi kecamannya terhadap kata-kata mereka:

ٱفْتَرَىٰهُ ۖ

"Dialah yang telah merekakannya (Al-Qur'an)"(8)

dalam bentuk pertanyaan, seolah-olah kata-kata itu tidak mungkin dikatakan atau amat jauh untuk dikatakan:

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ

"........ Adakah mereka berkata dialah (Muhammad) yang telah merekakannya?"(8)

Sampai begini sekali mereka sanggup mengeluarkan kata-kata yang tidak terlintas di dalam hati itu.

Al-Qur'an mengajar Rasulullah s.a.w. menjawab tuduhan mereka dengan adab sopan seorang Nabi, yang membayangkan hakikat perasaannya terhadap Allah, terhadap tugasnya, terhadap kekuatan-kekuatan dan nilai-nilai di seluruh alam buana ini:

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۖ قُلْ إِنِ ٱفْتَرَيْتُهُۥ فَلَا تَمْلِكُونَ لِى مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا تُفِيضُونَ فِيهِ ۖ كَفَىٰ بِهِۦ شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۖ وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٨﴾

"Atau apakah mereka berkata dialah (Muhammad) yang telah merekakannya (Al-Qur'an)? Katakanlah kepada mereka: Jika akulah yang merekakan Al-Qur'an ini nescaya kamu tidak berkuasa sedikit pun untuk mempertahankanku dari ('azab) Allah. Dialah yang lebih mengetahui tentang apa yang kamu katakan terhadap Al-Qur'an. Cukuplah Dia menjadi saksi di antaraku dengan kamu dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(8)

Maksudnya, katakanlah kepada mereka: Bagaimana aku boleh tergamak merekakannya? Untuk kepentingan siapa aku merekakannya? Untuk matlamat apakah aku merekakannya? Adakah aku merekakannya untuk tujuan supaya kamu beriman kepadaku dan mengikutku? Tetapi:

إِنِ ٱفْتَرَيْتُهُۥ فَلَا تَمْلِكُونَ لِى مِنَ ٱللَّهِ شَيْـًٔا ۖ

"Jika akulah yang merekakan Al-Qur'an ini nescaya kamu tidak berkuasa sedikit pun untuk mempertahankanku dari ('azab) Allah."(8)

Dia akan menyeksaku dengan sebab pemalsuanku itu. Oleh itu apakah gunanya kamu bersamaku dan mengikutku, sedangkan kamu terlalu lemah untuk melindungiku dari 'azab Allah dan untuk menolongku apabila Ia menyeksaku kerana pemalsuanku itu?

Itulah jawapan yang layak dengan seorang Nabi yang menerima wahyu dari Allah. Beliau tidak melihat di alam buana ini selain dari Allah. Beliau tidak mengenal kekuatan yang lain dari kekuatan Allah. Jawapan itu juga merupakan satu jawapan yang logik yang dapat difahami oleh orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini jika mereka berhakimkan akal mereka. Beliau memberi jawapan ini kepada mereka dan setelah itu beliau menyerahkan urusan mereka kepada Allah:

هُوَ أَعْلَمُ بِمَا تُفِيضُونَ فِيهِ ۖ

"Dialah yang lebih mengetahui tentang apa yang kamu katakan terhadap Al-Qur'an yang benar."(8)

Maksudnya, Dialah yang lebih mengetahui tentang perkataan dan perbuatan kamu dan Dia akan membalas perbuatan kamu mengikut apa yang diketahui-Nya.

كَفَىٰ بِهِۦ شَهِيدًۢا بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۖ

"Cukuplah Dia menjadi saksi di antaraku dengan kamu."(8)

Dialah yang menyaksi dan Dialah yang menghukum. Cukuplah dengan penyaksian dan hukuman-Nya:

وَهُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٨﴾

"Dan Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(8)

Maksudnya, Dia mungkin kasihan belas kepada kamu, lalu memberi hidayat kepada kamu sebagai limpah rahmat ke atas kamu, dan memberi keampunan kepada kamu terhadap kesesatan kamu sebelum mendapat hidayat dan beriman kepada-Nya. Jawapan ini mengandungi peringatan dan ancaman, mengandungi galakan pemberangsangan yang memikat hati dan menyentuh segala tali perasaannya.

Jawapan ini membuat para pendengarnya merasa bahawa persoalan wahyu itu adalah lebih besar dari kata-kata dan dakwaan-dakwaan mereka yang nakal. Persoalan wahyu yang tersemat di dalam hati nurani Rasul penda'wah itu adalah lebih besar dan lebih mendalam dari apa yang dirasakan mereka.

Al-Qur'an terus membincangkan persoalan wahyu itu dengan mereka dari sudut lain pula yang realistik dan dapat dilihat. Mengapa mereka ingkarkan wahyu dan risalah Allah? Mengapa mereka bergopoh-gapah menuduh Al-Qur'an sebagai sihir dan menuduh Muhammad sebagai pereka Al-Qur'an? Sedangkan persoalan ini bukanlah satu persoalan yang ganjil dan aneh:

قُلْ مَا كُنتُ بِدْعًا مِّنَ ٱلرُّسُلِ وَمَآ أَدْرِى مَا يُفْعَلُ بِى وَلَا بِكُمْ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ وَمَآ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٩﴾

"Katakanlah: Aku bukannya seorang rasul pertama di antara para rasul dan aku sendiri tidak mengetahui apakah yang akan dilakukan kepada diriku dan kepada diri kamu. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepadaku dan aku tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan yang nyata."(9)

Maksudnya, Rasulullah s.a.w. bukanlah Rasul yang pertama. Beliau telah pun didahului rasul-rasul yang lain. Urusan beliau sama dengan urusan rasul-rasul yang terdahulu itu. Beliau bukan orang baru. Beliau seorang manusia yang diketahui Allah layak memikul tugas kerasulan, iatu diwahyukan kepadanya dan beliau mengumumkan apa yang diperintahkan kepadanya. Inilah hakikat dan tabi'at kerasulan. Dan apabila hati seorang rasul itu bersambung dengan Allah, ia tidak meminta apa-apa bukti dari Allah, tidak meminta sesuatu yang istimewa untuk dirinya. Malah dia terus menunaikan kewajipan menyampaikan risalah Allah mengikut bagaimana yang diwahyukan kepadanya:

وَمَآ أَدْرِى مَا يُفْعَلُ بِى وَلَا بِكُمْ ۖ إِنْ أَتَّبِعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰٓ إِلَىَّ

"Aku sendiri tidak mengetahui apakah yang akan dilakukan kepada diriku dan kepada diri kamu. Aku hanya mengikut apa yang diwahyukan kepada aku."(9)

Oleh kerana itu beliau tidak meneruskan tugas kerasulannya kerana beliau mengetahui perkara yang ghaib, atau kerana beliau mengetahui apa yang akan berlaku kepada dirinya, kepada kaumnya dan kepada agama yang dibawanya, malah meneruskan tugas kerasulannya mengikut sebagaimana yang diperintah dan diarahkan kepadanya dengan menaruh sepenuh

kepercayaan kepada Allah dan berserah kepada kehendak iradat-Nya, patuh kepada arahan-Nya dan menghayunkan langkah-langkah ke mana sahaja dipimpin Allah. Beliau tidak mengetahui perkara ghaib di hadapannya kerana seluruh rahsia ghaib itu berada di sisi Tuhannya. Beliau tidak mengharap untuk mengetahui rahsia di sebalik tabir, kerana hatinya begitu yakin dan tenteram, dan kerana adab sopannya dengan Tuhannya menghalanginya dari mengangan-angankan sesuatu yang tidak dibukakan kepadanya. Beliau selama-lamanya berhenti pada batasnya dan pada batas-batas tugasnya:

وَمَآ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ۝٩

"Aku tidak lain melainkan hanya seorang rasul yang memberi peringatan dan penjelasan yang nyata."(9)

Berda'wah Kepada Allah Bukan Kerana Sesuatu Kepentingan

Itulah adab sopan orang yang sampai kepada Allah, itulah keyakinan para 'Arifin yang mengikut jejak Rasulullah s.a.w. dan meneruskan tugas da'wah mereka semata-mata kerana Allah, bukan kerana mereka mengetahui apa yang akan berlaku kepada da'wah itu atau kerana mengetahui masa depannya atau kerana mereka mempunyai sesuatu kepentingan dalam da'wah itu sama ada sedikit atau banyak, tetapi mereka berjuang kerana perjuangan merupakan kewajipannya. Ini sudah cukup. Mereka tidak meminta apa-apa bukti dari Allah. Kerana bukti mereka tersemat dalam hati mereka. Mereka tidak menuntut keistimewaan-keistimewaan untuk diri mereka kerana keistimewaan mereka terletak pada hakikat bahawa Allah telah memilih mereka untuk tugas da'wah. Mereka tidak menjangkau lebih jauh dari garis yang telah ditentukan Allah kepada mereka, dan tidak melampaui tempat-tempat jejak yang digariskan untuk mereka di sepanjang jalan.

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka pengakuan dari seorang saksi yang dekat dan kenyataan saksi ini mempunyai nilainya yang tinggi kerana ia dari Ahlil-Kitab yang mengetahui kitab-kitab suci yang diturunkan Allah:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَكَفَرْتُم بِهِۦ وَشَهِدَ شَاهِدٌ مِّنۢ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ عَلَىٰ مِثْلِهِۦ فَـَٔامَنَ وَٱسْتَكْبَرْتُمْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ۝١٠

"Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku bagaimana pendapat kamu jika Al-Qur'an datang dari sisi Allah dan kamu ingkarkannya, sedangkan ada seorang saksi dari Bani Israel telah mengakui kitab yang seperti Al-Qur'an (yang diturunkan sebelumnya), lalu ia beriman dan (sebaliknya) kamu telah mengambil sikap yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim."(10)

Ini mungkin satu peristiwa yang melibatkan seorang atau berapa orang dari Bani Israel yang mengetahui bahawa sifat Al-Qur'an ini adalah sama dengan sifat kitab-kitab suci yang diturunkan dari sisi Allah berdasarkan pengetahuannya tentang sifat kitab Taurat, oleh sebab itu ia terus beriman kepada Al-Qur'an. Di sana terdapat riwayat yang mengatakan bahawa ayat ini adalah diturun mengenai Abdullah ibn Salam, tetapi surah ini adalah Surah Makkiyah, sedangkan Abdullah ibn Salam memeluk Islam di Madinah. Begitu juga terdapat riwayat yang mengaitkan bahawa surah ini adalah Surah Madaniyah untuk menguatkan bahawa ayat ini diturun mengenai Abdullah ibn Salam r.a. di samping adanya riwayat yang mengatakan bahawa surah ini adalah Surah Makkiyah dan ia tidak diturun mengenai Abdullah.

Mungkin ayat ini menunjukkan kepada satu peristiwa yang lain yang berlaku di Makkah itu sendiri, kerana di zaman Islam berkembang di Makkah ada beberapa orang Ahlil-Kitab yang telah beriman, dan keimanan mereka mempunyai nilai hujah di kalangan kaum Musyrikin yang tidak tahu membaca dan menulis, dan kerana itu Al-Qur'an menyentuh peristiwa ini di berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an, dan dengan peristiwa ini Al-Qur'an mencabar kaum Musyrikin yang mendustakan Al-Qur'an tanpa berdasarkan ilmu pengetahuan dan kitab suci yang menerangi hati mereka.

Uslub ayat ini, iaitu:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ وَكَفَرْتُم بِهِۦ

"Katakanlah kepada mereka: Terangkanlah kepadaku bagaimana pendapat kamu jika Al-Qur'an itu datang dari sisi Allah."(10)

.... hingga akhir.

merupakan satu cara perdebatan yang ditujukan untuk menggoncangkan sikap penduduk Makkah yang degil itu, dan untuk menimbulkan keraguan atau rasa teragak-agak dalam hati mereka agar mereka tidak terus mendustakan Al-Qur'an selama adanya kemungkinan bahawa Al-Qur'an ini sebenarnya diturunkan dari Allah sebagaimana yang dikatakan oleh Muhammad. Jika benar begitu, tentulah pendustaan mereka akan membawa akibat yang buruk. Oleh itu lebih baik mereka mengambil sikap berhati-hati kerana andaian ini iaitu satu andaian yang mungkin benar dan jika benar bererti bahawa ancaman 'azab yang disampaikan oleh Muhammad itu akan menimpa mereka. Lebih selamat bagi mereka berhati-hati dari terus mendusta Al-Qur'an. Lebih selamat mereka memikirkan hal ini dengan teliti sebelum ditimpa akibat yang parah, lebih-lebih lagi jika kemungkinan ini ditambahkan pula dengan adanya Ahlil-Kitab sama ada seorang atau beberapa orang yang menyaksi dan mengakui bahawa sifat Al-Qur'an ini adalah sama dengan sifat kitab-kitab suci sebelumnya. Dan mereka tidak hanya

sekadar mengaku sahaja, malah mereka ikuti dengan beriman kepadanya. Sedangkan mereka yang diturunkan Al-Qur'an kepada mereka dengan bahasa mereka sendiri, menerusi lidah seorang rasul dari kalangan mereka sendiri telah mengambil sikap yang angkuh dan mengingkarkannya. Ini adalah suatu perbuatan yang zalim dan melampaui batas secara terang-terangan, satu perbuatan yang wajar menerima kemurkaan Allah dan menjadikan amalan-amalan mereka sia-sia sahaja:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠﴾

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada golongan orang-orang yang zalim."(10)

Al-Qur'an telah menggunakan berbagai-bagai cara dan gaya untuk mencabarkan keraguan-keraguan hati manusia, penyelewengan-penyelewengannya dan penyakit-penyakitnya. Dan semua gaya dan cara yang beraneka ragam itu merupakan bekalan da'wah dan bekalan para penda'wah kepada agama ini. Walaupun telah dipercayai dengan sekuat-kuat keyakinan bahawa Al-Qur'an diturunkan dari Allah, namun Al-Qur'an telah menggunakan juga uslub menimbulkan keraguan bukannya hanya menggunakan uslub kepastian sahaja, untuk tujuan yang kami telah huraikan tadi. Uslub menimbulkan keraguan itu merupakan salah satu dari uslub-uslub untuk menanamkan keyakinan dalam setengah-setengah keadaan.

Setelah itu Al-Qur'an terus mendedahkan perkataan-perkataan kaum Musyrikin terhadap Al-Qur'an dan agama Islam. Ia mengisahkan bagaimana mereka mengemukakan alasan yang angkuh terhadap orang-orang Mu'min apabila mereka mendusta dan mengingkar Al-Qur'an dan agama Islam itu:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَوْ كَانَ خَيْرًا مَّا سَبَقُونَآ إِلَيْهِ ۚ وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا۟ بِهِۦ فَسَيَقُولُونَ هَٰذَآ إِفْكٌ قَدِيمٌ ﴿١١﴾

"Dan orang-orang yang kafir telah berkata kepada orang-orang yang beriman, jika Al-Qur'an itu sesuatu yang baik tentulah mereka tidak akan mendahului Kami menerimanya, dan oleh kerana mereka tidak mendapat hidayat dari Al-Qur'an, maka mereka akan berkata: Al-Qur'an ini adalah satu pembohongan yang lama."(11)

Golongan Perintis Yang Memeluk Islam

Golongan yang cepat dan mendahului orang-orang yang lain memeluk Islam di peringkat permulaan perkembangannya ialah orang-orang miskin dan hamba-hamba. Ini adalah satu perkara yang mengaibkan pada pandangan pembesar-pembesar Quraysy yang angkuh itu dan mereka berkata: Jika agama Islam ini benar-benar bagus tentulah orang-orang itu tidak akan lebih tahu dari kami dan tidak akan mendahului kami memeluk agama itu. Kami dengan kedudukan kami yang tinggi, dengan pemahaman kami yang luas dan penilaian kami yang baik adalah lebih arif dari mereka dalam mengenali sesuatu yang baik.

Tetapi hakikat yang sebenar bukan begitu. Yang menghalangi mereka dari memeluk Islam bukannya semata-mata keraguan mereka terhadap Islam dan bukannya kejahilan mereka terhadap kebenaran dan kebaikan Islam, malah sebenarnya yang menghalangi mereka dari memeluk Islam ialah sikap keangkuhan mereka untuk mengakui Muhammad sebagaimana dikatakan mereka, di samping kebimbangan mereka akan kehilangan kedudukan dan kepentingan-kepentingan ekonomi mereka, juga kebanggaan mereka yang kosong dengan kebesaran dan adat resam nenek moyang mereka, sedangkan di dalam hati orang-orang yang segera dan mendahului orang-orang yang lain memeluk Islam itu tidak terdapat sebab-sebab halangan yang telah menghalangkan pembesar-pembesar Quraysy itu.

Itulah hawa nafsu yang mendorongkan orang-orang yang angkuh itu enggan mengakui kebenaran, enggan tendengar suara fitrah dan enggan tunduk kepada hujah yang benar. Hawa nafsu itulah yang merencana kepada mereka supaya mengambil sikap yang degil dan tidak menghiraukan da'wah Islam. Mereka jadikan kepentingan diri mereka sendiri sebagai paksi seluruh kehidupan. Di sekeliling paksi inilah mereka beredar dan berlegar, malah mereka mahukan seluruh hidup ini beredar di sekelilingnya:

وَإِذْ لَمْ يَهْتَدُوا۟ بِهِۦ فَسَيَقُولُونَ هَٰذَآ إِفْكٌ قَدِيمٌ ﴿١١﴾

"Oleh kerana mereka tidak mendapat hidayat dari Al-Qur'an, maka mereka akan berkata: Al-Qur'an itu adalah satu pembohongan yang lama."(11)

Memang begitu! Pastilah ada sesuatu cacat cela pada Al-Qur'an yang benar itu selama mereka tidak mendapat hidayat darinya dan selama mereka tidak tunduk kepadanya. Pastilah Al-Qur'an yang benar itu ada cacat celanya kerana mereka tidak mungkin salah. Mereka memandang diri mereka suci dan terpelihara dari segala salah dan silap. Dan beginilah juga mereka mahu menyarankan orang ramai memandang mereka.

Kemudian pusingan yang memperkatakan persoalan wahyu dan risalah ini ditamatkan dengan menyebut kitab suci yang diturunkan kepada Musa a.s. dan pengesahan Al-Qur'an terhadap kebenarannya sebagaimana telah disinggungkan dalam pengakuan seorang saksi dari Bani Israel yang telah lepas:

وَمِن قَبْلِهِۦ كِتَٰبُ مُوسَىٰٓ إِمَامًا وَرَحْمَةً ۚ وَهَٰذَا كِتَٰبٌ مُّصَدِّقٌ لِّسَانًا عَرَبِيًّا لِّيُنذِرَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ وَبُشْرَىٰ لِلْمُحْسِنِينَ ﴿١٢﴾

"Dan sebelum Al-Qur'an terdapat kitab Musa yang menjadi ikutan dan rahmat, dan kitab Al-Qur'an ini pula adalah sebuah kitab yang mengesahkan kitab-kitab suci yang

terdahulu yang diturunkan dalam bahasa Arab untuk memberi peringatan kepada orang-orang yang zalim dan menyampaikan berita gembira kepada para Muhsinin."(12)

Hubungan Al-Qur'an Dengan Kitab-kitab Suci Sebelumnya

Al-Qur'an telah menyebut berulang-ulang kali hubungan di antaranya dengan kitab-kitab suci yang terdahulu terutama kitab yang diturunkan kepada Musa, kerana kitab Isa dikira sebagai pelengkap dan lanjutan kepada kitab Musa, dan kerana punca syari'at dan 'aqidah itu terkandung di dalam kitab Taurat, oleh sebab itu Al-Qur'an namakan Kitab Taurat Musa itu sebagai kitab "ikutan" dan menyifatkannya sebagai "rahmat". Seluruh agama samawi itu merupakan rahmat kepada bumi dan penghuni bumi dengan segala erti rahmat di dunia dan Akhirat.

وَهَٰذَا كِتَٰبٌ مُّصَدِّقٌ لِّسَانًا عَرَبِيًّا

"Dan kitab Al-Qur'an ini pula adalah sebuah kitab yang mengesahkan kitab-kitab suci terdahulu yang diturunkan di dalam bahasa Arab."(12)

Maksudnya mengesahkan punca pertama yang menjadi landasan seluruh agama samawi dan sistem Ilahi yang diikuti seluruh agama samawi, dan seterusnya mengesahkan arah tujuan asal yang dituju oleh umat manusia untuk sampai kepada Tuhannya Yang Maha Esa dan Maha Mulia.

Keterangan bahawa Al-Qur'an itu diturun di dalam bahasa Arab adalah dituju untuk menimbulkan perasaan terhutang budi pada orang-orang Arab dan untuk mengingatkan mereka kepada ni'mat Allah dan limpah perhatian-Nya terhadap mereka dan sebagai buktinya yang nyata ialah Allah telah memilih mereka untuk memperjuangkan agama Islam ini dan memilih bahasa mereka sebagai bahasa Al-Qur'anul-'azim.

Kemudian Al-Qur'an menerangkan sifat kerasulan dan tugasnya:

"Untuk memberi peringatan kepada orang-orang yang zalim dan menyampaikan berita gembira kepada para Muhsinin."(12)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 14)

Di penghabisan pusingan pertama ini, Al-Qur'an menggambarkan kepada mereka balasan kepada para Muhsinin sambil menerangkan kepada mereka bahawa berita gembira yang disampaikan Al-Qur'an itu adalah dapat dicapai dengan syarat mereka mengakui Rububiyah Allah Yang Maha Esa dan berjalan lurus dan jujur mematuhi agama ini dan kewajipan-kewajipannya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسْتَقَٰمُوا۟ فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah. Kemudian mereka bersikap jujur (di atas agama Allah), maka tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan mereka tidak akan berdukacita (13). Merekalah penghuni-penghuni Syurga yang kekal abadi di dalamnya sebagai balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(14)

Falsafah "ربنا الله"

Kata-kata رَبُّنَا ٱللَّهُ - **"Tuhan kami ialah Allah"** bukanlah kata-kata untuk dituturkan sahaja, dan bukanlah semata-mata kepercayaan di dalam hati, malah ia merupakan satu sistem hidup yang lengkap, yang meliputi segala kegiatan hidup, merangkumi segala arah tujuan dan merangkuli segala harakat dan lintasan fikiran. Kata-kata itu juga menegakkan neraca untuk menilai pemikiran, perasaan, manusia, benda-benda, tindak-tanduk, peristiwa-peristiwa dan segala hubungan dan pertalian di alam buana ini.

"Tuhan kami ialah Allah" mengertikan seluruh ibadat, arah tujuan, ketakutan dan pergantungan adalah tertumpu kepada Allah.

"Tuhan kami ialah Allah" mengertikan tiada perhitungan kepada yang lain dan tiada ketakutan dan harapan kepada yang lain dari Allah.

"Tuhan kami ialah Allah" mengertikan seluruh kegiatan, seluruh pemikiran dan seluruh penilaian adalah ditumpukan kepada-Nya dan dilihat kepada keredhaan-Nya.

"Tuhan kami ialah Allah" mengertikan tiada penghakiman, melainkan kepada Allah, tiada kuasa undang-undang melainkan kuasa syari'at Allah dan tiada hidayat melainkan hidayat Allah.

"Tuhan kami ialah Allah" mengertikan segala penghuni dan segala isi alam buana adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan kami dan kami sentiasa bertemu dengannya dalam perhubungan kami dengan Allah.

"Tuhan kami ialah Allah" merupakan sistem hidup yang lengkap dengan perincian-perincian tersebut. Ia bukannya semata-mata kata-kata yang disebutkan bibir dan bukannya 'aqidah negatif yang terpisah jauh dari alam kenyataan hidup.

ثُمَّ ٱسْتَقَٰمُوا۟

"Kemudian mereka bersikap jujur (di atas agama Allah)."(13)

Maksudnya, sikap yang jujur dan teguh di atas agama Allah itu merupakan satu darjat kelebihan

yang lain pula selepas berpegang dengan agama itu. Itulah keteguhan jiwa, ketenteraman hati dan kejujuran perasaan dan fikiran yang tidak bergoyang, tidak goyah, tidak syak dan tidak ragu-ragu walaupun dilamun berbagai-bagai tarikan dan dorongan dan digugatkan berbagai-bagai pengaruh yang kuat dan hebat. Tindak-tanduknya dan tingkahlakunya tetap teguh dan jujur di atas cara hidup agama Allah yang terpilih, walaupun di tengah jalan itu penuh dengan tempat-tempat gelincir, duri-duri dan onak-onak, halangan-halangan dan sekatan-sekatan, dan walaupun di sana sini terdapat berbagai-bagai seruan kepada penyelewengan dan kesesatan.

"Tuhan kami ialah Allah" merupakan satu cara hidup dan bersikap jujur menjalani cara hidup ini merupakan satu lagi darjat kelebihan setelah mengenali dan memilih cara hidup itu. Dan orang-orang yang dikurniakan Allah ni'mat mengenali cara hidup ini dan mengamalkannya dengan jujur, merekalah orang-orang yang terpilih di sisi Allah.

فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾

"Tidak ada sebarang ketakutan terhadap mereka dan mereka tidak akan berdukacita."(13)

Apakah lagi yang harus ditakut dan dibimbangkan kerana cara hidup ini akan menyampaikan kepada Allah dan sikap yang jujur mengamalkan cara hidup itu merupakan jaminan untuk sampai kepada Allah?

أُولَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ خَٰلِدِينَ فِيهَا جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

"Merekalah penghuni-penghuni Syurga yang kekal abadi di dalamnya sebagai balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(14)

Kata-kata **"amalan-amalan yang dilakukan mereka,"** menjelaskan erti **"Tuhan kami ialah Allah"** juga menjelaskan erti bersikap jujur mengamalkan cara hidup ini di dalam kehidupan harian. Kata-kata ini menunjukkan bahawa di sana pasti ada amalan yang akan dibalas dengan hidup yang kekal di dalam Syurga, iaitu amalan yang terbit dari sistem hidup **"Tuhan kami ialah Allah"**, dan terbit dari sikap yang jujur dan teguh di atas sistem hidup ini.

Syahadah "لا إله الا الله" Melambangkan Sistem Hidup Islam

Kerana itu kita dapat memahami bahawa kata-kata atau pengucapan-pengucapan 'aqidah di dalam Islam bukannya cuma merupakan kata-kata yang dituturkan lisan sahaja. Misalnya ucapan syahadat **La ilaha Illallah** bukannya sebuah ungkapan kata-kata semata-mata, tetapi satu ungkapan yang melambangkan satu sistem hidup, dan andainya kata-kata syahadat ini hanya merupakan ungkapan kata-kata sahaja, maka ia bukanlah satu rukun Islam yang dituntut dan diambil kira di dalam rukun-rukun Islam.

Kerana itu kita dapat memahami sejauh mana nilai yang hakiki bagi ucapan syahadat yang diucapkan oleh berjuta-juta manusia pada hari ini. Ucapan itu menjangkau tidak lebih dari bibir mulut mereka sahaja dan ia tidak mempunyai apa-apa ekoran dan keberkesanan dalam hidup mereka. Mereka tetap hidup dengan cara hidup jahiliyah yang mirip dengan cara hidup orang-orang yang menyembah berhala, walaupun bibir mereka melafazkan ucapan syahadat yang kosong itu.

Kata-kata **"La ilaha Illallah"** dan kata-kata **"Tuhan kami ialah Allah"** adalah lambang dari satu sistem hidup. Inilah yang pasti disematkan di dalam hati sanubari supaya ia mengkaji cara hidup yang sempurna yang ditunjukkan oleh kata-kata itu serta mengikutnya.

(Kumpulan ayat-ayat 15 - 20)

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ إِحْسَٰنًا ۖ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۖ وَحَمْلُهُۥ وَفِصَٰلُهُۥ ثَلَٰثُونَ شَهْرًا ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُۥ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِىٓ أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتَ عَلَىَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَىَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَٰلِحًا تَرْضَىٰهُ وَأَصْلِحْ لِى فِى ذُرِّيَّتِىٓ ۖ إِنِّى تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ نَتَقَبَّلُ عَنْهُمْ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَنَتَجَاوَزُ عَن سَيِّـَٔاتِهِمْ فِىٓ أَصْحَٰبِ ٱلْجَنَّةِ ۖ وَعْدَ ٱلصِّدْقِ ٱلَّذِى كَانُوا۟ يُوعَدُونَ ﴿١٦﴾

وَٱلَّذِى قَالَ لِوَٰلِدَيْهِ أُفٍّ لَّكُمَآ أَتَعِدَانِنِىٓ أَنْ أُخْرَجَ وَقَدْ خَلَتِ ٱلْقُرُونُ مِن قَبْلِى وَهُمَا يَسْتَغِيثَانِ ٱللَّهَ وَيْلَكَ ءَامِنْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ فَيَقُولُ مَا هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٧﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ حَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْقَوْلُ فِىٓ أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِم مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ خَٰسِرِينَ ﴿١٨﴾

وَلِكُلٍّ دَرَجَٰتٌ مِّمَّا عَمِلُوا۟ ۖ وَلِيُوَفِّيَهُمْ أَعْمَٰلَهُمْ وَهُمْ لَا

يُظْلَمُونَ ﴿١٩﴾
وَيَوْمَ يُعْرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ أَذْهَبْتُمْ طَيِّبَٰتِكُمْ فِى
حَيَاتِكُمُ ٱلدُّنْيَا وَٱسْتَمْتَعْتُم بِهَا فَٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ
ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ
وَبِمَا كُنتُمْ تَفْسُقُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan Kami telah berpesan kepada manusia supaya membuat kebaikan kepada dua ibu bapanya. Ibunya telah mengandungkannya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah. Tempoh mengandungnya sampai lepas susunya ialah tiga puluh bulan, sehingga apabila ia sampai ke peringkat dewasa dan meningkat usia empat puluh tahun ia pun berdo'a: Wahai Tuhanku! Dorongkan daku supaya mensyukuri ni'mat-Mu yang telah Engkau kurniakannya kepadaku dan kepada dua ibu bapaku dan supaya aku mengerjakan amalan yang soleh yang Engkau redhakannya dan kurniakan kesalihan dalam zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu dan sesungguhnya aku dari golongan Muslimin (15). Merekalah orang-orang yang Kami terima dari mereka sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka dan Kami ampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Mereka adalah dari penghuni-penghuni Syurga sebagai memenuhi janji yang benar yang telah dijanjikan kepada mereka (16). Dan orang yang berkata kepada dua ibubapanya: Heh! Bosannya ayah dan emak ini! Apakah ayah dan emak mengancam saya bahawa saya kelak akan dikeluarkan kembali (dari kubur) sedangkan berbagai-bagai umat telah berlalu sebelumku (tanpa kembali balik). Lalu kedua orang tuanya memohon pertolongan kepada Allah (dan berkata kepada anaknya): Celakalah engkau! Berimanlah (wahai anakku!) kerana sesungguhnya janji Allah itu benar. Lalu ia menjawab: Ini hanya dongeng orang-orang zaman dahulu sahaja (17). Merekalah orang-orang yang tetap menerima keputusan ditimpa 'azab bersama umat-umat yang lampau sebelum mereka yang terdiri dari jin dan manusia. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang rugi (18). Dan bagi setiap mereka masing-masing memperolehi berbagai-bagai darjat balasan yang sesuai dengan amalan yang dikerjakan mereka agar dengan itu Allah menyempurnakan balasan terhadap amalan-amalan mereka dan mereka sama sekali tidak dianiayai (19). Dan (kenangilah) hari (Qiamat) ketika orang-orang kafir didedahkan kepada api Neraka (dan dikatakan kepada mereka): Kamu telah menghabiskan ni'mat-ni'mat kamu yang baik di dunia dan telah bersenang-senang meni'matinya. Tetapi pada hari ini kamu dibalaskan dengan 'azab kehinaan kerana kamu berlagak angkuh di bumi tanpa sebab yang sebenar dan kerana perbuatan kamu yang fasiq."(20)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam pusingan ini Al-Qur'an memperkatakan tentang fitrah manusia yang jujur dan yang menyeleweng dan akibat yang akan menimpa mereka masing-masing. Ia mulakan dengan pesanan berbakti kepada dua ibubapa. Pesanan seperti ini sering kali disebut selepas membicarakan persoalan 'aqidah mengenai Allah atau disebut serentak dengannya. Ini ialah kerana hubungan ibubapa dengan anak itu merupakan hubungan pertama selepas hubungan keimanan kepada Allah dari segi kekuatan dan kepentingannya dan hubungan yang paling utama yang harus diambil perhatian yang berat dan diberi penghormatan. Sebutan seiringan ini mengandungi dua maksud. Maksud pertama ialah menyatakan kepentingan hubungan ibubapa dengan anak, dan maksud kedua ialah menyatakan bahawa hubungan iman kepada Allah itu merupakan hubungan pertama yang didahulukan kemudian diiringi pula dengan hubungan darah dalam bentuknya yang paling erat.

Kepentingan Hubungan Dengan Dua Ibubapa

Di dalam pusingan ini dikemukakan dua contoh fitrah manusia. Dalam contoh yang pertama hubungan keimanan kepada Allah bertemu dengan hubungan dua ibu bapa dalam perjalanan keduanya di jalan yang lurus, jujur serta mendapat hidayat yang menyampaikan mereka kepada Allah. Dalam contoh yang kedua hubungan keturunan terputus dati hubungan keimanan. Kedua-duanya tidak mempunyai titik pertemuan. Contoh yang pertama berakhir dengan kesudahan mendapat Syurga dan berita gembira, sedangkan contoh yang kedua berakhir ke dalam Neraka dan menerima nasib 'azab sengsara. Sesuai dengan keadaan ini, Al-Qur'an menayangkan gambaran 'azab dalam satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat, iaitu gambaran yang menggambarkan akibat kefasiqan dan keangkuhan.

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 16)

"Dan Kami telah berpesan kepada manusia supaya membuat kebaikan *kepada dua ibu bapanya."(15)*

Ini adalah pesanan kepada seluruh umat manusia. Dan pesanan ini pula dibuat di atas asas kemanusiaan semata-mata tanpa memerlukan kepada mana-mana sifat yang lain di sebalik sifatnya sebagai manusia. Ia merupakan pesanan supaya membuat kebaikan dan kebaktian yang bebas dari segala syarat dan ikatan terhadap ibubapa, kerana sifat, keibubapaan itu sendiri memerlukan kebaktian seperti itu, tanpa memerlukan kepada mana-mana sifat yang lain lagi. Ia adalah pesanan yang terbit dari Allah yang menciptakan manusia, dan mungkin pula pesanan ini adalah khusus untuk jenis manusia sahaja, kerana tidak pernah diketahui di alam burung atau di alam haiwan atau di alam serangga bahawa anak-anak yang kecil itu diwajibkan menjaga ibubapa mereka yang tua. Apa yang dilihat dan disaksi ialah fitrah makhluk-makhluk ini hanya ditaklifkan supaya yang tua menjaga yang muda di dalam setengah-setengah jenis binatang sahaja. Kerana itu pesanan ini mungkin khusus untuk jenis manusia sahaja.

Pesanan membuat kebaikan dan kebaktian kepada dua ibubapa berulang-ulang kali disebut di dalam Al-

Qur'anul-Karim dan di dalam hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Tetapi tidak ada pesanan yang ditujukan kepada ibubapa supaya membuat kebaikan kepada anak-anaknya melainkan jarang-jarang sekali iaitu kerana adanya sesuatu sebab atau keadaan-keadaan yang tertentu, kerana dorongan fitrah insan itu sahaja sudah cukup untuk menggerakkan ibubapa menjaga dan memelihara anaknya secara spontan yang tergerak dengan sendiri tanpa memerlukan kepada perangsang atau pendorong yang lain. Fitrah inilah yang membuat ibubapa sanggup melakukan pengorbanan yang luhur, sempurna dan aneh, iaitu pengorbanan yang seringkali sampai kepada had sanggup mati, apatah lagi menderita kesakitan dan kesengsaraan. Mereka berbuat demikian tanpa teragak-agak, tanpa menunggu ganjaran, tanpa membangkit-bangkit dan tanpa keinginan untuk mendapatkan terima kasih. Tetapi bagi generasi anak-anak pula, mereka tidak banyak menoleh ke belakang. Mereka tidak banyak menoleh kepada generasi ibubapa yang berkorban, memberi dan sudah tua, kerana giliran mereka ialah maju kedepan mendapatkan generasi baru dari anak-anak mereka pula, dan untuk generasi inilah mereka mengambil giliran berkorban dan memeliharanya. Demikianlah berlalunya hidup ini.

Islam menjadikan keluarga sebagai kepingan-kepingan bata asas dalam pembinaan masyarakat Islam dan sebagai tempat belaan dan asuhan, di mana anak-anak yang masih mentah itu perlahan-lahan dapat berkembang dan membesar, di samping menerima bekalan kasih sayang, bantu-membantu, sanggup menyanggup dan bina-membina. Kanak-kanak yang tidak mendapat tempat belaan keluarga akan membesar dengan kelakuan-kelakuan yang ganjil/abnormal di dalam beberapa segi kehidupannya walaupun ia menerima kerehatan dan didikan yang secukupnya di luar lingkungan keluarga. Bekalan utama yang tidak dapat diperolehinya, di tempat belaan yang lain dari belaan keluarga ialah perasaan kasih sayang. Umum diakui bahawa kanak-kanak dengan tabi'at semulajadinya suka membulut ibunya dalam dua tahun yang pertama dari umur hidupnya. Dalam masa ini dia tidak sanggup berkongsi ibu dengan sesiapa pun. Ini tidak dapat dini'mati kanak-kanak di tadika-tadika, kerana pengasuh-pengasuh yang bertugas di sini adalah berkewajipan mengasuh beberapa orang kanak-kanak yang lain dalam satu masa. Mereka berdengki-dengki satu sama lain untuk mendapat ibu tiruan bersama itu. Di sinilah tumbuhnya di dalam hati mereka perasaan marah dan dendam menyebabkan perasaan kasih sayang tidak dapat tumbuh di hati mereka. Begitu juga kanak-kanak memerlukan satu kuasa yang tetap yang menjaga dan mengawasinya supaya ia dapat membina syahsiyahnya yang teguh. Ini tidak mungkin terlaksana melainkan di tempat belaan keluarga, kerana di tadika-tadika tidak terdapat satu kuasa syakhsiyah yang tetap, kerana pengasuh-pengasuh di sana berubah-ubah dan bergilir-gilir menjaga kanak-kanak yang lain. Ini menyebabkan syakhsiyah kanak-kanak itu tidak teguh dan kukuh. Ujian-ujian dan pengalaman-pengalaman di tadika-tadika setiap hari mendedahkan hikmat kebijaksanaan yang tulen mengapa keluarga itu dijadikan batu asas yang pertama bagi pembinaan masyarakat yang sejahtera, iaitu masyarakat yang menjadi matlamat peluangan Islam untuk membangunkannya di atas landasan fitrah yang sejahtera.

Di sini Al-Qur'an menggambarkan pengorbanan yang luhur yang diberikan oleh seseorang ibu kepada anaknya, iaitu satu pengorbanan yang tidak dapat dibalas selama-lamanya oleh anak-anaknya walau bagaimana besarnya kebaktian mereka menjunjung perintah Allah membuat baik kepada kedua ibubapa mereka:

حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۖ وَحَمْلُهُۥ وَفِصَٰلُهُۥ ثَلَٰثُونَ شَهْرًا ۚ

"Ibunya telah mengandungkannya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah. Tempoh mengandungnya sampai lepas susunya ialah tiga puluh bulan."(15)

Susunan kata-kata ayat ini dan bunyi kata-kata itu sendiri memberi gambaran yang hidup betapa teruknya kesusahan, kepenatan, kepayahan dan kesulitan yang dialami seseorang ibu:

حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۖ

"Dia telah mengandungkannya dengan susah payah dan melahirkannya dengan susah payah."(15)

Ungkapan ini seolah-olah keluhan penat lelah memikul tanggungan yang berat yang membuat seseorang itu termengah-mengah menarik nafas. Itulah gambaran ibu yang mengandung terutama di hari-hari yang akhir, dan itulah keadaan ibu yang melahirkan anak dengan penuh penderitaan dan kesakitan.

Ilmu gena (genetiks) telah menerangkan kepada kita betapa besarnya pengorbanan seorang ibu dalam proses mengandung dan melahirkan seorang anak. Ia menerangkan kepada kita dengan gambaran yang amat menarik dan jelas.

Sebaik sahaja telur perempuan itu berkahwin (bersenyawa) dengan sel mani lelaki, ia terus berusaha melekatkan dirinya di dinding rahim. Ia dilengkapkan dengan sifat pemakan. Ia mengoyak dinding rahim tempat ia melekat itu dan memakannya, maka darah si ibu pun mengalir ke tempatnya, di mana telur yang bersenyawa dengan sel mani itu sentiasa tergenang dalam darah ibu yang kaya dengan berbagai-bagai zat. Ia menghisapkan darah itu untuk hidup dan subur. Ia sentiasa memakan dinding-dinding rahim itu, sentiasa menghisap bahan hayat, sedangkan si ibu makan dan minum, mencerna dan menghisap untuk membekalkan darah yang bersih dan berzat kepada telur yang lahap dan rakus itu. Dalam masa pembentukan tulang-temalang janin, ia banyak

menghisap zat kapur dari darah ibunya, ini menyebabkan si ibu itu memerlukan zat kapur kerana ia memberi larutan tulang-tulangnya dalam darah untuk membentuk tulang bayi yang kecil itu. Ini hanya sebahagian kecil dari pengorbanan si ibu yang banyak.

Di samping itu, melahirkan anak pula merupakan satu proses yang sukar dan mengoyakkan anggota, tetapi kesakitan dan kemeranaan melahirkan anak itu tidak dapat menghalangkan keinginan fitrah Si ibu. Ia tidak dapat menjadikan si ibu itu lupa kepada kemanisan mendapat anak yang memenuhi keinginan fitrahnya. Ibarat benih yang menumbuhkan tumbuhan yang baru, ia hidup dan menjalar subur sedangkan benih itu sendiri mengering dan mati.

Kemudian diikuti pula dengan kerja menyusu dan membela. Si ibu memberi jus daging dan tulang-temalangnya di dalam susu. Ia memberi jus hati dan sarafnya untuk membela bayinya. Walaupun demikian, dia tetap bergembira, bahagia, pengasih dan penyayang. Dia tidak pernah jemu dan tidak pernah bosan dengan kepenatan melayani bayinya. Yang menjadi cita-cita si ibu ialah ia mahu melihat anak itu sihat dan subur. Itulah satu-satunya ganjaran yang diingininya.

Masakan seorang itu dapat membalas pengorbanan si ibu ini biarpun bagaimana besar ia berbakti dan membuat baik kepadanya, kerana apa yang dibuat olehnya adalah terlalu kecil dan sedikit.

Amatlah benar sabda Rasulullah s.a.w. apabila beliau di temui seorang lelaki dalam masa tawaf. Lelaki itu sedang menggendung ibunya mengerjakan tawaf, lalu ia bertanya Rasulullah s.a.w.:

هل أديتُ حقها؟ فجابه: لا. ولا بزفرة واحدة

"Adakah hamba telah menyempurnakan haknya?" Jawab beliau: "Tidak, tidak sampai pun dengan sepenarik keluhannya."

(Diriwayat oleh al-Hafiz Abu Bakr al-Bazzaz dengan isnadnya dan Buraydah dan bapanya)

Setelah selesai menerangkan pesanan berbakti kepada dua ibu bapa dan menggerakkan hati manusia dengan pengorbanan ibu-ibu, Al-Qur'an membawa kita kepada peringkat si bayi itu meningkat usia dewasa yang matang, mempunyai fitrah yang jujur dan hati yang mendapat hidayat:

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ إِحْسَٰنًا ۖ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ كُرْهًا
وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا ۖ وَحَمْلُهُۥ وَفِصَٰلُهُۥ ثَلَٰثُونَ شَهْرًا ۚ حَتَّىٰٓ إِذَا
بَلَغَ أَشُدَّهُۥ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِىٓ
أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتَ عَلَىَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَىَّ وَأَنْ
أَعْمَلَ صَٰلِحًا تَرْضَىٰهُ وَأَصْلِحْ لِى فِى ذُرِّيَّتِىٓ ۖ إِنِّى تُبْتُ
إِلَيْكَ وَإِنِّى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾

"Sehingga apabila ia sampai ke peringkat dewasa dan meningkat usia empat puluh tahun ia pun berdo'a: Wahai Tuhanku! Dorongkan daku supaya mensyukuri ni'mat-Mu yang telah Engkau kurniakannya kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan supaya aku mengerjakan amalan yang soleh yang Engkau redhakannya dan kurniakanlah kesalihan dalam zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu dan sesungguhnya aku dari golongan Muslimin."(15)

Peringkat umur dewasa yang matang ialah peringkat umur di antara tiga puluh dan empat puluh tahun. Dan peringkat usia empat puluh tahun itu merupakan kemuncak kematangan, di waktu ini segala kekuatan dan tenaga seseorang itu subur dengan sempurna dan di waktu inilah juga ia cukup bersedia untuk memikirkan sesuatu dengan mendalam dan tenang. Dan di dalam peringkat usia ini juga fitrah manusia yang jujur dan lurus mulai memberi perhatiannya kepada hakikat di sebalik hidup dan selepas hidup ini dan memikirkan nasib kesudahan hayatnya.

Di sini Al-Qur'an menggambarkan perasaan dan fikiran yang terlintas di dalam jiwa yang jujur itu semasa ia berada di persimpangan jalan di antara peringkat umurnya yang telah berlalu dengan peringkat akhir umurnya yang hampir-hampir kelihatan, di sinilah ia berdo'a kepada Allah:

رَبِّ أَوْزِعْنِىٓ أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ ٱلَّتِىٓ أَنْعَمْتَ عَلَىَّ وَعَلَىٰ
وَٰلِدَىَّ

"Wahai Tuhanku! Dorongkan daku supaya mensyukuri ni'mat-Mu yang telah Engkau kurniakannya kepadaku dan kepada kedua ibu bapaku."(15)

Inilah seruan kalbu yang mengenangkan ni'mat Allah, qalbu yang merasa ni'mat Ilahi itu begitu besar dan begitu banyak. Ni'mat itu telah melimpahi dirinya dan dua ibubapanya sebelum ini, iaitu ni'mat Ilahi yang telah begitu lama diketahuinya. Qalbu yang merasa kesyukuran dan terima kasihnya adalah terlalu kecil, kerana itu ia berdo'a kepada Allah supaya ia dapat mensyukuri semuanya. Ia memohon supaya Allah dorongkannya agar dapat ia menunaikan kewajipan kesyukuran itu dengan sempurna dan janganlah tenaganya dan perhatiannya berbelah bagi di dalam kesibukan-kesibukan yang lain dari menyempurnakan kewajipan yang besar ini.

وَأَنْ أَعْمَلَ صَٰلِحًا تَرْضَىٰهُ

"Dan supaya aku mengerjakan amalan yang soleh."(15)

Ini satu lagi permohonannya iaitu ia memohon agar ia dikurniakan pertolongan dan taufik kepada amalan-amalan yang soleh yang sempurna hingga mendapat

keredhaan Allah, kerana keredhaan Allah itu merupakan satu-satunya matlamat dan harapan yang dicita-citakannya.

وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِيٓ

"Dan kurniakanlah kesalihan dalam zuriat keturunanku."(15)

Inilah permohonan yang ketiga. Setiap hati yang Mu'min bercita-cita supaya amalannya yang soleh itu bersambung pada zuriat keturunannya dan agar hatinya merasa tenang bahawa di dalam zuriat keturunannya yang akan datang terdapat anak cucunya yang menyembah Allah dan memohon keredhaan-Nya. Zuriat keturunan yang soleh itulah cita-cita dan impian setiap hamba yang soleh. Ia lebih diutamakan di sisinya dari segala perbendaharaan dan kekayaan dunia yang lain. Ia lebih menyenangkan hatinya dari segala perhiasan dunia. Do'a ini bermula dari ibubapa kepada sekalian anak cucu-cicit supaya seluruh generasi yang bersilih ganti itu bersambung di dalam keta'atan kepada Allah.

Ia mengemukakan permohonan syafa'atnya kepada Allah dan syafa'atnya yang dikemukakan di hadapan do'anya yang tulus ikhlas itu ialah taubat dan penyerahan diri kepada Allah (Islam):

إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿١٥﴾

"Sesungguhnya aku bertaubat kepada-Mu dan sesungguhnya aku dari golongan Muslimin."(15)

Itulah sikap hamba yang soleh yang mempunyai fitrah yang bersih dan jujur terhadap Allah, sedangkan sikap Allah terhadap mereka telah diterangkan oleh Al-Qur'an seperti berikut:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ نَتَقَبَّلُ عَنْهُمْ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَنَتَجَاوَزُ عَن سَيِّـَٔاتِهِمْ فِيٓ أَصْحَٰبِ ٱلْجَنَّةِ وَعْدَ ٱلصِّدْقِ ٱلَّذِي كَانُوا۟ يُوعَدُونَ ﴿١٦﴾

"Merekalah orang-orang yang Kami terima dari mereka sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka dan Kami ampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Mereka adalah dari penghuni-penghuni Syurga sebagai memenuhi janji yang benar yang telah dijanjikan kepada mereka."(16)

Maksudnya, balasan itu mengikut hisab yang sebaik-baiknya dan kesalahan-kesalahan akan diampun. Dan tempat kembalinya ialah Syurga bersama penghuni-penghuninya. Itulah penunaian janji yang benar yang dijanjikan kepada mereka di dunia. Dan Allah tidak akan memungkiri janji-Nya. Dan balasan-Nya adalah balasan ni'mat yang melimpah ruah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 18)

Contoh yang kedua ialah contoh penyelewengan, kefasiqan dan kesesatan:

وَٱلَّذِي قَالَ لِوَٰلِدَيْهِ أُفٍّ لَّكُمَآ أَتَعِدَانِنِيٓ أَنْ أُخْرَجَ وَقَدْ خَلَتِ ٱلْقُرُونُ مِن قَبْلِي وَهُمَا يَسْتَغِيثَانِ ٱللَّهَ وَيْلَكَ ءَامِنْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ فَيَقُولُ مَا هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٧﴾

"Dan orang yang berkata kepada dua ibubapanya: Heh! Bosannya ayah dan emak ini! Apakah ayah dan emak mengancam saya bahawa saya kelak akan dikeluarkan kembali (dari kubur) sedangkan berbagai-bagai umat telah berlalu sebelumku (tanpa kembali balik). Lalu kedua orang tuanya memohon pertolongan kepada Allah (dan berkata kepada anaknya): Celakalah engkau! Berimanlah (wahai anakku!) kerana sesungguhnya janji Allah itu benar. Lalu ia menjawab: Ini hanya dongeng orang-orang zaman dahulu sahaja."(17)

Kedua-dua ibubapa itu beriman, sedangkan si anak pula seorang anak derhaka yang ingkarkan kebaikan keduanya. Ia berbicara dengan orang tuanya dengan melahirkan sungutan dan rasa bosan yang kasar, yang melukakan hati keduanya:

أُفٍّ لَّكُمَآ

"Heh! Bosannya ayah dan emak ini!"(17)

Kemudian dia mengingkari hari Akhirat dengan hujah, yang lemah:

أَتَعِدَانِنِيٓ أَنْ أُخْرَجَ وَقَدْ خَلَتِ ٱلْقُرُونُ مِن قَبْلِي

"Apakah ayah dan emak mengancam saya bahawa saya kelak akan dikeluarkan kembali (dari kubur) sedangkan berbagai-bagai umat telah berlalu sebelumku?"(17)

Maksudnya mereka telah pergi dan mati dan tiada apa pun yang pulang kembali.....

Hari Qiamat itu telah ditentukan masanya, dan kebangkitan akan berlaku secara menyeluruh selepas berakhirnya masa hidup dunia. Tiada siapa pun yang mengatakan kebangkitan itu berlaku secara kecil-kecilan, di mana satu generasi yang silam dibangkitkan di zaman generasi yang mendatang. Qiamat bukannya mainan dan bukan cuma-cuma. Ia merupakan hisab penamat bagi seluruh peringkat hidup dunia selepas tamat masanya.

Dua ibu bapa itu melihat keingkaran dan kekufuran anaknya. Mereka terkejut mendengar perkataan anaknya yang derhaka yang ditujukan kepada Allah dan kepada mereka berdua. Hati mereka gementar terhadap terjahan dan kelancangan lidahnya, lalu mereka memujuknya:

وَهُمَا يَسْتَغِيثَانِ ٱللَّهَ وَيْلَكَ ءَامِنْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ

"Kedua orang tuanya memohon pertolongan kepada Allah (dan berkata kepada anaknya): Celakalah engkau! Berimanlah (wahai anakku!) kerana sesungguhnya janji Allah itu benar."(17)

Nampaknya kedua-dua orang tua itu terkejut mendengar perkataan anak-anaknya. Sedangkan si anak ini terus berdegil dengan kekufuran dan keingkarannya. Lalu berkata:

فَيَقُولُ مَا هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿١٧﴾

"Lalu ia menjawab: Ini hanya dongeng orang-orang zaman dahulu sahaja."(17)

Di sini Allah dengan segera menerangkan nasib kesudahan mereka yang telah ditentukan-Nya:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ حَقَّ عَلَيۡهِمُ ٱلۡقَوۡلُ فِيٓ أُمَمٖ قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِهِم مِّنَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِۖ إِنَّهُمۡ كَانُواْ خَٰسِرِينَ ﴿١٨﴾

"Merekalah orang-orang yang tetap menerima keputusan ditimpa 'azab bersama umat-umat yang lampau sebelum mereka yang terdiri dari jin dan manusia. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang rugi."(18)

Keputusan 'azab yang telah ditentukan ke atas mereka merupakan balasan seksa yang akan menimpa para pengingkar dan pendusta. Bilangan mereka amat ramai termasuk generasi-generasi yang telah berlalu dari jin dan manusia. Ini adalah janji Allah yang tidak pernah mungkir:

إِنَّهُمۡ كَانُواْ خَٰسِرِينَ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang rugi."(18)

Tidak ada kerugian yang lebih besar dari kerugian keimanan dan keyakinan di dunia di samping kerugian mendapat keredhaan dan ni'mat Allah di Akhirat dan setelah itu memperolehi 'azab keseksaan yang disediakan kepada para pengingkar dan penyeleweng.

******

(Pentafsiran ayat 19)

Setelah menyatakan akibat dan balasan secara umum bagi orang-orang yang menerima hidayat dan orang-orang yang sesat, Al-Qur'an mengambarkan pula kehalusan hisab dan penilaian terhadap amalan setiap orang dari mereka:

وَلِكُلّٖ دَرَجَٰتٞ مِّمَّا عَمِلُواْۖ وَلِيُوَفِّيَهُمۡ أَعۡمَٰلَهُمۡ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ﴿١٩﴾

"Dan bagi setiap mereka masing-masing memperolehi berbagai-bagai darjat balasan yang sesuai dengan amalan yang dikerjakan mereka agar dengan itu Allah menyempurnakan balasan terhadap amalan-amalan mereka dan mereka sama sekali tidak dianiayai."(19)

Maksudnya, setiap orang ditentukan darjatnya. Setiap orang mengikut amalan masing-masing. Itulah garis umum pembalasan bagi setiap golongan.

Dua contoh syakhsiyah yang telah disebutkan itu memang umum terdapat dalam mana-mana masyarakat manusia, tetapi cara kedua-duanya disebut dengan uslub ayat ini seolah-olah menentukan dua orang yang tertentu sahaja adalah lebih berkesan dan lebih menghidupkan contoh itu seolah-olah ia benar-benar sedang berlaku.

Ada riwayat-riwayat yang mengisahkan bahawa kedua-dua syakhsiyah itu memang dituju kepada orang-orang yang tertentu, tetapi tidak ada satu riwayat pun yang sah dari riwayat-riwayat itu. Oleh kerana itu lebih baik kedua-dua syakhsiyah itu dianggap sebagai contoh sahaja. Ini berdasarkan kepada kata-kata kesimpulan bagi contoh yang pertama iaitu:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ نَتَقَبَّلُ عَنۡهُمۡ أَحۡسَنَ مَا عَمِلُواْ وَنَتَجَاوَزُ عَن سَيِّـَٔاتِهِمۡ فِيٓ أَصۡحَٰبِ ٱلۡجَنَّةِۖ وَعۡدَ ٱلصِّدۡقِ ٱلَّذِي كَانُواْ يُوعَدُونَ ﴿١٦﴾

"Merekalah orang-orang yang Kami terima dari mereka sebaik-baik amalan yang dikerjakan mereka dan Kami ampunkan kesalahan-kesalahan mereka. Mereka adalah dari penghuni-penghuni Syurga sebagai memenuhi janji yang benar yang telah dijanjikan kepada mereka."(16)

Dan kata-kata kesimpulan bagi contoh yang kedua iaitu:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ حَقَّ عَلَيۡهِمُ ٱلۡقَوۡلُ فِيٓ أُمَمٖ قَدۡ خَلَتۡ مِن قَبۡلِهِم مِّنَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِۖ إِنَّهُمۡ كَانُواْ خَٰسِرِينَ ﴿١٨﴾

"Merekalah orang-orang yang tetap menerima keputusan ditimpa 'azab bersama umat-umat yang lampau sebelum mereka yang terdiri dari jin dan manusia. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang rugi."(18)

Di samping kata-kata kesimpulan umum:

وَلِكُلّٖ دَرَجَٰتٞ مِّمَّا عَمِلُواْۖ وَلِيُوَفِّيَهُمۡ أَعۡمَٰلَهُمۡ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ﴿١٩﴾

"Dan bagi setiap mereka masing-masing memperolehi berbagai-bagai darjat balasan yang sesuai dengan amalan yang dikerjakan mereka agar dengan itu Allah menyempurnakan balasan terhadap amalan-amalan mereka dan mereka sama sekali tidak dianiayai."(19)

Semua kesimpulan-kesimpulan ini membayangkan bahawa yang dimaksudkan dengan dua syakhsiyah itu ialah contoh yang berulang-ulang dari dua golongan manusia.

******

(Pentafsiran ayat 20)

Kemudian Al-Qur'an meletakkan kaum Musyrikin berdepan dengan satu pemandangan di Hari Hisab yang mereka ingkarkannya:

وَيَوْمَ يُعْرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ أَذْهَبْتُمْ طَيِّبَٰتِكُمْ فِى
حَيَاتِكُمُ ٱلدُّنْيَا وَٱسْتَمْتَعْتُم بِهَا فَٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ
ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ
وَبِمَا كُنتُمْ تَفْسُقُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan (Kenangilah) hari (Qiamat) ketika orang-orang kafir didedahkan kepada api Neraka (dan dikatakan kepada mereka): Kamu telah menghabiskan ni'mat-ni'mat kamu yang baik di dunia dan telah bersenang-senang meni'matinya. Tetapi pada hari ini kamu dibalaskan dengan 'azab kehinaan kerana kamu berlagak angkuh di bumi tanpa sebab yang sebenar dan kerana perbuatan kamu yang fasiq."(20)

Pemandangan ini merupakan satu pemandangan yang pantas dan tegas, tetapi menarik perhatian yang amat mendalam dan jauh. Pemandangan ini mendedahkan orang-orang kafir kepada Neraka. Dan sebelum mereka diseretkan ke dalamnya, mereka diterangkan sebab-sebab mengapa mereka didedahkan kepada Neraka dan diseretkan ke dalamnya:

أَذْهَبْتُمْ طَيِّبَٰتِكُمْ فِى حَيَاتِكُمُ ٱلدُّنْيَا وَٱسْتَمْتَعْتُم بِهَا

"Kamu telah menghabiskan ni'mat-ni'mat kamu yang baik di dunia dan telah bersenang-senang meni'matinya."(20)

Maksudnya, mereka dahulu benar-benar telah memiliki ni'mat-ni'mat yang baik tetapi mereka habiskan semuanya di dalam kehidupan dunia. Mereka tidak sedikit pun menyimpankannya untuk Akhirat. Mereka berfoya-foya meni'matinya tanpa membuat perhitungan untuk hari Akhirat. Mereka meni'matinya seperti binatang-binatang ternakan, iaitu semata-mata untuk mendapat kelazatan dan keni'matan tanpa memandang kepada Akhirat, tanpa bersyukur kepada ni'mat Allah dan tanpa memperdulikan yang keji dan yang haram. Kerana itu mereka hanya mendapat keni'matan dunia tetapi tidak mendapat keni'matan Akhirat. Mereka tukarkan detik-detik hidup yang sekelip mata itu dengan detik-detik hidup abadi yang tidak diketahui batasnya melainkan Allah.

فَٱلْيَوْمَ تُجْزَوْنَ عَذَابَ ٱلْهُونِ بِمَا كُنتُمْ تَسْتَكْبِرُونَ فِى
ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَبِمَا كُنتُمْ تَفْسُقُونَ ﴿٢٠﴾

"Pada hari ini kamu dibalas dengan 'azab kehinaan kerana kamu berlagak angkuh di bumi tanpa sebab yang sebenar dan kerana perbuatan kamu yang fasiq."(20)

Setiap hamba yang berlagak angkuh di bumi, bererti berlagak angkuh tanpa kebenaran kerana sifat kebesaran diri itu hanya milik Allah yang tunggal sahaja. Tiada siapa pun berhak bersifat angkuh dan sombong sama ada sedikit atau banyak. 'azab kehinaan di Akhirat itu adalah satu balasan yang adil terhadap sikap angkuh dan bongkak di dunia. Tegasnya balasan yang setimpal bagi keangkuhan itu ialah kehinaan di Akhirat, dan balasan terhadap penyelewengan dari agama Allah dan jalan-Nya ialah kehinaan juga, kerana kemuliaan itu untuk Allah, untuk Rasul-Nya dan untuk para Mu'minin.

Demikianlah surah ini mengakhiri pusingan ini dengan mengemukakan dua contoh insan dan nasib kesudahan keduanya di Akhirat, dan dengan menayangkan satu pemandangan yang berkesan yang menggambarkan nasib kesudahan para pendusta di Akhirat yang menyeleweng dari agama Allah dan enggan ta'at kepada Allah kerana angkuh. Ia merupakan satu cubitan yang mencubit hati manusia dan merangsangkan fitrahnya yang bersih dan jujur untuk menjalani jalan yang aman yang menyampaikan kepada Allah.

(Kumpulan ayat-ayat 21 - 28)

وَٱذْكُرْ أَخَا عَادٍ إِذْ أَنذَرَ قَوْمَهُۥ بِٱلْأَحْقَافِ وَقَدْ خَلَتِ
ٱلنُّذُرُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦٓ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ
إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٢١﴾

قَالُوٓا۟ أَجِئْتَنَا لِتَأْفِكَنَا عَنْ ءَالِهَتِنَا فَأْتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن
كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٢﴾

قَالَ إِنَّمَا ٱلْعِلْمُ عِندَ ٱللَّهِ وَأُبَلِّغُكُم مَّآ أُرْسِلْتُ بِهِۦ
وَلَٰكِنِّىٓ أَرَىٰكُمْ قَوْمًا تَجْهَلُونَ ﴿٢٣﴾

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُّسْتَقْبِلَ أَوْدِيَتِهِمْ قَالُوا۟ هَٰذَا
عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا ۚ بَلْ هُوَ مَا ٱسْتَعْجَلْتُم بِهِۦ ۖ رِيحٌ فِيهَا
عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٤﴾

تُدَمِّرُ كُلَّ شَىْءٍۭ بِأَمْرِ رَبِّهَا فَأَصْبَحُوا۟ لَا يُرَىٰٓ إِلَّا
مَسَٰكِنُهُمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِى ٱلْقَوْمَ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٢٥﴾

وَلَقَدْ مَكَّنَّٰهُمْ فِيمَآ إِن مَّكَّنَّٰكُمْ فِيهِ وَجَعَلْنَا لَهُمْ
سَمْعًا وَأَبْصَٰرًا وَأَفْـِٔدَةً فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُمْ سَمْعُهُمْ وَلَآ

أَبْصَٰرُهُمْ وَلَآ أَفْـِٔدَتُهُم مِّن شَىْءٍ إِذْ كَانُوا۟ يَجْحَدُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٢٦﴾ وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا مَا حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْقُرَىٰ وَصَرَّفْنَا ٱلْـَٔايَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢٧﴾ فَلَوْلَا نَصَرَهُمُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ قُرْبَانًا ءَالِهَةًۢ ۖ بَلْ ضَلُّوا۟ عَنْهُمْ ۚ وَذَٰلِكَ إِفْكُهُمْ وَمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢٨﴾

Dan kenangilah (Hud) saudara kaum 'Ad ketika ia memberi amaran kepada kaumnya yang tinggal di al-Ahqaaf. Para Rasul yang memberi amaran itu telah datang sebelumnya dan selepasnya (dan semuanya berkata): Janganlah kamu sembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku takut kamu mendapat 'azab keseksaan pada hari yang amat besar (21). Jawab mereka: Apakah engkau datang kepada kami untuk memesongkan kami dari menyembah tuhan-tuhan kami? Jika demikian bawakanlah sahaja kepada kami 'azab keseksaan yang engkau janjikan itu jika engkau dari orang-orang yang benar (22). Kata Hud: Ilmu (mengenai 'azab itu) berada di sisi Allah, (tugasku hanya) menyampaikan kepada kamu perintah yang aku diutuskan untuk membawanya, tetapi aku melihat kamu satu kaum yang jahil (23). Apabila mereka melihat 'azab itu berupa tompokan awan yang menuju ke arah wadi-wadi mereka, lalu mereka pun berkata: Inilah awan yang akan membawa hujan kepada kita. (Tetapi sebenarnya bukan) bahkan itulah 'azab yang kamu pinta disegerakan kedatangannya. Itulah angin yang membawa 'azab yang amat pedih (24). Yang menghancur-leburkan segala sesuatu dengan perintah Tuhannya dan (akibatnya) mereka binasa semuanya. Tiada sesuatu yang kelihatan melainkan tempat-tempat kediaman mereka sahaja. Demikianlah Kami membalas kaum yang berdosa (25). Dan sesungguhnya Kami telah meneguhkan kedudukan mereka yang belum pernah Kami teguhkan kedudukan kamu sepertinya. Dan Kami telah ciptakan untuk mereka pendengaran, penglihatan dan hati, tetapi pendengaran mereka, penglihatan mereka dan hati mereka tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka, kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah (dan akibatnya) mereka telah dikepung 'azab yang diejek-ejekkan mereka (26). Dan sesungguhnya Kami telah membinasakan negeri-negeri disekeliling kamu dan telah menerangkan ayat-ayat Kami dengan berbagai-bagai cara supaya kamu kembali (ke jalan Allah) (27). Maka mengapakah sembahan-sembahan yang disembahkan mereka selain dari Allah sebagai tuhan-tuhan untuk mendekatkan mereka kepada Allah itu tidak menolong mereka, bahkan mereka menghilangkan diri dari mereka. Itulah pembohongan mereka dan akibat perbuatan mereka mengada-ngadakan sembahan-sembahan?(28)

Kebinasaan Kaum 'Ad Dan Negeri-negeri Di Sekeliling Makkah

Dalam pusingan ini kita dibawa menjelajah di satu bidang yang lain yang menguatkan persoalan yang dibicarakan oleh surah ini, dan memikat hati manusia dari satu segi yang lain dari segi-segi yang telah disentuhkan oleh dua pusingan yang pertama dahulu, iaitu penjelajahan melihat kebinasaan kaum 'Ad dan kebinasaan negeri-negeri di sekeliling Makkah. Mereka telah mengambil sikap permusuhan terhadap rasul-rasul mereka dan terhadap saudara mereka Nabi Hud a.s. sama dengan sikap permusuhan kaum Musyrikin terhadap Rasul mereka dan saudara mereka Nabi Muhammad s.a.w.

Mereka menyangkal Nabi mereka dan sangkalan-sangkalan itu telah dijawab oleh Nabi mereka dengan jawapan yang sesuai dengan adab sopan seorang Nabi, iaitu jawapan yang tidak keluar dari batas kemanusiaannya dan dari batas tugas kenabiannya. Selepas itu kaum 'Ad dibinasakan Allah dengan 'azab bencana alam apabila mereka tidak mengendahkan amaran Rasul mereka. Kekuatan dan kekayaan mereka tidak dapat menyelamatkan mereka, sedangkan mereka lebih kuat dan lebih kaya dari kaum Musyrikin Makkah. Mereka juga merupakan satu kaum yang cerdik, tetapi mereka tidak menggunakan pendengaran, penglihatan dan hati mereka. Dan tuhan-tuhan yang disembahkan mereka untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah juga tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka.

Demikianlah Al-Qur'an memperlihatkan kepada kaum Musyrikin Makkah kebinasaan kaum yang terdahulu yang sama seperti mereka dan ini bererti Al-Qur'an memperlihatkan kesudahan nasib diri mereka yang sama. Al-Qur'an memperlihatkan mereka garisan agama yang tetap teguh dan bersambung-sambung, garisan agama yang ditegakkan di atas satu dasar yang sama yang tidak berubah-ubah dan garisan Sunnatullah yang tetap tidak berubah. Dari sisi pokok 'aqidah Islam kelihatan tegak dengan akar umbinya yang mendalam dan dengan dahan-dahan dan cabang-cabangnya yang menghulur di dalam pendalaman zaman. Ia kelihatan satu sahaja di sepanjang abad dan di seluruh tempat.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 25)

وَٱذْكُرْ أَخَا عَادٍ إِذْ أَنذَرَ قَوْمَهُۥ بِٱلْأَحْقَافِ وَقَدْ خَلَتِ ٱلنُّذُرُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦٓ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿٢١﴾

"Dan kenangilah (Hud) saudara kaum 'Ad ketika ia memberi amaran kepada kaumnya yang tinggal di al-Ahqaaf. Para Rasul yang memberi amaran itu telah datang sebelumnya dan selepasnya (dan semuanya berkata): Janganlah kamu sembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku takut kamu mendapat 'azab keseksaan pada hari yang amat besar."(21)

Yang dimaksudkan dengan saudara 'Ad ialah Nabi Hud a.s. Al-Qur'an menyebutnya dengan sifat

persaudaraan kepada kaumnya untuk menggambarkan hubungan kasih sayang di antaranya dengan mereka dan hubungan kerabat yang sepatutnya boleh menarik mereka kepada da'wahnya, dan sepatutnya mereka boleh menaruh sangkaan-sangkaan yang baik terhadap da'wahnya dan terhadap dirinya, dan perhubungan yang seperti inilah juga wujud di antara Nabi Muhammad s.a.w. dengan kaumnya yang telah mengambil sikap bermusuh dengannya itu.

Kata-kata "الأحقاف" adalah kata-kata majmuk dari "حقف" (Hiqf) yang bererti cangkat-cangkat pasir, kerana kaum 'Ad membina rumah-rumah kediaman mereka di atas cangkat-cangkat pasir di Selatan Tanah Arab yang dikatakan terletak di negeri Hadhramaut.

Allah S.W.T. mengarahkan Nabi-Nya s.a.w. supaya mengenangkan Hud dan amaran beliau kepada kaumnya di Ahqaaf. Allah mengingatkan beliau dengan Hud supaya beliau mencontohinya, kerana Hud juga sama seperti beliau pernah menerima tentangan kaumnya. Allah mengingatkan beliau dengan Nabi Hud untuk mengingatkan kaum Musyrikin Makkah dengan 'azab kebinasaan yang telah menimpa rakan-rakan sejawat mereka di zaman dahulu yang sehaluan dengan mereka. Mereka tinggal tidak jauh dari kaum-kaum sebelum mereka iaitu di sekeliling mereka.

Nabi Hud a.s. telah memberi amaran kepada kaumnya dan beliau bukanlah Rasul pertama yang memberi amaran kepada mereka, malah beliau telah pun didahului oleh rasul-rasul yang lain:

وَقَدۡ خَلَتِ ٱلنُّذُرُ مِنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦٓ

"Para rasul yang memberi amaran itu telah datang sebelumnya dan selepasnya."(21)

Ada rasul-rasul yang dekat dengan beliau dan ada pula yang jauh darinya dari segi masa dan tempat. Pendeknya para rasul yang memberi amaran itu terus bersambung-sambung. Kerana itu kedatangan Rasul kepada mereka bukanlah perkara baru dan bukan pula perkara aneh, malah perkara biasa sahaja.

Nabi Hud a.s. memberi amaran kepada kaumnya sama seperti amaran-amaran yang diberi para rasul yang lain iaitu:

أَلَّا تَعۡبُدُوٓاْ إِلَّا ٱللَّهَ إِنِّيٓ أَخَافُ عَلَيۡكُمۡ عَذَابَ يَوۡمٍ عَظِيمٖ ﴿٢١﴾

"Janganlah kamu sembah melainkan Allah. Sesungguhnya aku takut kamu mendapat 'azab keseksaan pada hari yang amat besar."(21)

Ibadat kepada Allah yang tunggal merupakan 'aqidah dalam hati nurani di samping merupakan satu sistem dalam hidup. Penyelewengan dari ibadat kepada Allah yang tunggal ini akan membawa kepada 'azab keseksaan yang besar di dunia atau di Akhirat atau kedua-duanya sekali. Maksud:

"Hari yang amat besar"(21)

ialah hari Qiamat, iaitu hari yang paling dahsyat.

Apakah jawapan kaumnya terhadap arahan dan amarannya itu?

قَالُوٓاْ أَجِئۡتَنَا لِتَأۡفِكَنَا عَنۡ ءَالِهَتِنَا فَأۡتِنَا بِمَا تَعِدُنَآ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٢﴾

"Jawab mereka: Apakah engkau datang kepada kami untuk memesongkan kami dari menyembah tuhan-tuhan kami? Jika demikian, bawakanlah sahaja kepada kami 'azab keseksaan yang engkau janjikan itu jika engkau dari orang-orang yang benar."(22)

Itulah sangkaan-sangkaan yang jahat, ketidakfahaman, cabaran terhadap Rasul yang memberi amaran, gesaan-gesaan supaya disegerakan 'azab yang diancamkan kepada mereka, ejekan, pendustaan, kedegilan dan kebanggaan di atas kebathilan.

Tetapi Nabi Hud a.s. menerima cabaran-cabaran ini dengan adab sopan seorang nabi dan dengan sikap yang bersih dari segala dakwaan yang bukan-bukan dan dengan sikap yang tidak melampaui batas:

"Kata Hud: Ilmu (mengenai 'azab itu) berada di sisi Allah, (tugasku hanya) menyampaikan kepada kamu perintah yang aku diutuskan untuk membawanya, tetapi aku melihat kamu satu kaum yang jahil."(23)

Maksudnya, aku hanya memberi amaran 'azab kepada kamu mengikut bagaimana yang diperintahkan kepada aku. Aku tidak mengetahui bilakah 'azab itu akan datang dan aku juga tidak mengetahui bagaimana bentuk 'azab itu. Ilmu pengetahuan mengenai perkara-perkara ini hanya berada di sisi Allah sahaja, aku tidak lebih dari seorang penyampai perintah dari Allah. Aku tidak mendakwa mempunyai ilmu pengetahuan dan qudrat kuasa di samping Allah:

"Tetapi aku melihat kamu satu kaum yang jahil"(23)

dan bodoh, kerana tidak ada perbuatan yang lebih bodoh dan lebih jahil dari perbuatan menyambut Rasul yang memberi peringatan dan nasihat yang ikhlas dan seorang saudara yang dekat dengan cabaran dan pendustaan yang seperti ini?

Perdebatan yang panjang di antara Hud dan kaumnya diterangkan dalam ayat ini dengan ringkas sahaja, dan Al-Qur'an terus memperkatakan maksud asal sehingga akhirnya di tempat ini sebagai jawapan

terhadap cabaran dan gesaan mereka supaya disegerakan 'azab itu.

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُّسْتَقْبِلَ أَوْدِيَتِهِمْ قَالُوا هَٰذَا عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا ۚ بَلْ هُوَ مَا اسْتَعْجَلْتُم بِهِ ۖ رِيحٌ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٤﴾ تُدَمِّرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا فَأَصْبَحُوا لَا يُرَىٰ إِلَّا مَسَاكِنُهُمْ ۚ كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٥﴾

"Apabila mereka melihat 'azab itu berupa tompokan awan yang menuju ke arah wadi-wadi mereka, lalu mereka pun berkata: Inilah awan yang akan membawa hujan kepada kita. (Tetapi sebenarnya bukan) bahkan itulah 'azab yang kamu pinta disegerakan kedatangannya. Itulah angin yang membawa 'azab yang amat pedih (24). Yang menghancur-leburkan segala sesuatu dengan perintah Tuhannya dan (akibatnya) mereka binasa semuanya. Tiada sesuatu yang kelihatan melainkan tempat-tempat kediaman mereka sahaja. Demikianlah Kami membalas kaum yang berdosa."(25)

Menurut riwayat-riwayat, kaum 'Ad telah ditimpa bencana panas terik dan kemarau. Mereka dilingkungi suasana hangat dan kering. Selepas itu Allah membawa awan kepada mereka dan mereka sekalian menyambutnya dengan riang gembira. Mereka keluar beramai-ramai ke wadi-wadi kerana mereka menyangka kedatangan awan-awan itu membawa hujan:

قَالُوا هَٰذَا عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا ۚ

"Lalu mereka pun berkata: Inilah awan yang akan membawa hujan kepada kita."(24)

Perkataan mereka dijawab oleh lidah realiti:

بَلْ هُوَ مَا اسْتَعْجَلْتُم بِهِ ۖ رِيحٌ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٤﴾

"Bahkan itulah 'azab yang kamu pinta disegerakan kedatangannya. Itulah angin yang membawa 'azab yang amat pedih."(24)

تُدَمِّرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا

"Yang menghancur-leburkan segala sesuatu dengan perintah Tuhannya."(25)

Itulah ribut yang amat dahsyat yang telah diceritakan di dalam surah yang lain, ia disifatkan seperti berikut:

مَا تَذَرُ مِن شَيْءٍ أَتَتْ عَلَيْهِ إِلَّا جَعَلَتْهُ كَالرَّمِيمِ ﴿٤٢﴾

"Angin itu tidak meninggalkan sesuatu apa yang dilandakannya melainkan ia jadikannya seperti mayat yang reput."

(Surah az-Zariyat: 42)

Al-Qur'an menggambarkan ribut itu sebagai makhluk yang hidup dan berakal yang diperintah supaya membinasakan segala sesuatu:

تُدَمِّرُ كُلَّ شَيْءٍ بِأَمْرِ رَبِّهَا

"Menghancur-leburkan segala sesuatu dengan perintah Tuhannya."(25)

Inilah hakikat kejadian-kejadian alam yang diberi perhatian oleh Al-Qur'an supaya disedari oleh semua manusia. Seluruh kejadian di alam buana ini adalah makhluk-makhluk yang hidup, dan seluruh kekuatan dari kekuatan alam buana itu adalah kekuatan-kekuatan yang sedar dan mengerti. Seluruhnya memahami perintah Tuhannya dan melaksanakan perintah-perintah itu dengan patuh, dan makhluk manusia merupakan salah satu dari kekuatan alam buana ini. Apabila seseorang itu beriman dengan keimanan yang sebenar dan hatinya terbuka kepada ma'rifat yang menyampaikannya kepada Allah, maka ia akan dapat memahami kekuatan-kekuatan alam di sekelilingnya, ia dapat berinteraksi dengannya sebagaimana ia berinteraksi dengan makhluk-makhluk yang bernyawa yang lain tanpa gambaran hayat dan kefahaman yang zahir yang diketahui manusia, kerana setiap kejadian mempunyai roh dan hayat, tetapi kita tidak dapat memahami hakikat ini kerana kita dihijabkan dengan gambaran-gambaran dan rupa bentuk zahir yang melindungi hakikat-hakikat dan rahsia-rahsia batin yang sebenar. Alam buana di sekeliling kita adalah penuh dengan rahsia-rahsia yang dihijabkan dengan tabir-tabir. Ia hanya dapat difahami oleh mata hati nurani yang terbuka tetapi tidak dapat dilihat oleh mata kasar.

Ribut itu telah melaksanakan tugas yang diperintah kepadanya dengan sempurna. Ia telah menghancur-leburkan segala sesuatu yang dilandanya:

فَأَصْبَحُوا لَا يُرَىٰ إِلَّا مَسَاكِنُهُمْ ۚ

"Mereka binasa semuanya, tiada sesuatu yang kelihatan melainkan tempat-tempat kediaman mereka"(25)

sedangkan mereka, ternakan-ternakan dan harta benda mereka tidak kelihatan suatu apa pun. Kecuali tempat-tempat kediaman mereka yang kosong dan sepi sahaja tanpa penghuni yang menyalakan api.

كَذَٰلِكَ نَجْزِي الْقَوْمَ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٥﴾

"Demikianlah Kami membalas kaum yang berdosa."(25)

Itulah undang-undang Allah dan keputusan-keputusan-Nya yang berlaku ke atas orang-orang yang berdosa.

******

(Pentafsiran ayat 26)

Dalam pemandangan kemusnahan itu Al-Qur'an berpaling pula kepada kaum Musyrikin yang hadir

untuk menerangkan hakikat yang mencubit dan menakutkan hati mereka.

وَلَقَدْ مَكَّنَّٰهُمْ فِيمَآ إِن مَّكَّنَّٰكُمْ فِيهِ وَجَعَلْنَا لَهُمْ سَمْعًا وَأَبْصَٰرًا وَأَفْـِٔدَةً فَمَآ أَغْنَىٰ عَنْهُمْ سَمْعُهُمْ وَلَآ أَبْصَٰرُهُمْ وَلَآ أَفْـِٔدَتُهُم مِّن شَىْءٍ إِذْ كَانُوا۟ يَجْحَدُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah meneguhkan kedudukan mereka yang belum pernah Kami tangguhkan kedudukan kamu sepertinya dan Kami telah ciptakan untuk mereka pendengaran, penglihatan dan hati, tetapi pendengaran mereka, penglihatan mereka dan hati mereka tidak sedikit pun memberi faedah kepada mereka, kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah (dan akibatnya) mereka telah dikepung 'azab yang diejek-ejekkan mereka."(26)

Kaum 'Ad yang dibinasakan ribut yang diperintah supaya menghancur-leburkan mereka itu adalah satu kaum yang telah Kami kurniakan kedudukan yang kukuh dari segi kekuatan, harta kekayaan, ilmu pengetahuan dan kemewahan di samping dikurniakan pendengaran, penglihatan dan hati nurani. Al-Qur'an mengungkapkan daya kefahaman dan fikiran itu kadang-kadang dengan kata-kata "قلب"(hati), kadang-kadang dengan kata-kata "فؤاد" (hati nurani), kadang-kadang dengan kata "لب" (minda) dan kadang-kadang dengan kata-kata."عقل" akal. Semua kata-kata ini adalah dimaksudkan dengan daya kefahaman mengikut apa sahaja bentuknya, tetapi semua pancaindera dan daya kefahaman ini tidak memberi apa-apa faedah kepada kaum 'Ad kerana mereka mensia-sia dan menutupnya: *"Kerana mereka mengingkari ayat-ayat Allah"* ((إِذْ كَانُوا۟ يَجْحَدُونَ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ)) sedangkan perbuatan mengingkari ayat-ayat itu memadamkan pancaindera dan hati dan menghilangkan kepekaannya, pancaran cahayanya dan kefahamannya.

وَحَاقَ بِهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٢٦﴾

"(Dan akibatnya) mereka telah dikepung 'azab yang diejek-ejekkan mereka."(26)

Intisari contoh teladan dari kisah kaum 'Ad yang berguna kepada setiap manusia yang mempunyai telinga, mata dan hati ialah setiap yang kuat dan gagah janganlah merasa angkuh dengan kekuatannya. Setiap hartawan janganlah merasa sombong dengan harta kekayaannya, dan setiap yang berilmu janganlah merasa bongkak dengan ilmu pengetahuannya. Lihatlah kepada kekuatan angin, salah satu dari kuasa-kuasa alam, yang telah membinasakan satu kaum yang kuat, kaya, berilmu dan hidup mewah dan menghancurkan segala apa yang dimiliki mereka, dan *"...Tiada yang kelihatan melainkan tempat-tempat kediaman mereka sahaja..."* ((لَا يُرَىٰٓ إِلَّا مَسَٰكِنُهُمْ)) apabila Allah membalas perbuatan mereka mengikut undang-undang dan peraturan balasan-Nya terhadap orang-orang yang berdosa.

Angin adalah satu kekuatan yang sentiasa bekerja mengikut undang-undang alam yang diaturkan Allah. Dan apabila Allah menggunakan angin ini untuk membinasakan sesuatu kaum, maka angin itu akan berjalan mengikut peraturan alam yang telah diatur. Ia tidak memerlukan kepada tindakan yang melanggar peraturan-peraturan alam ini sebagaimana yang disangkakan oleh orang-orang yang menyangkal peristiwa-peristiwa ini dengan pandangan mereka yang salah, kerana Tuhan yang menciptakan undang-undang alam yang teratur itulah juga Tuhan yang mengaturkan taqdir-taqdir yang tertentu. Seluruh peristiwa, seluruh harakat, seluruh arah tujuan, seluruh individu dan segala sesuatu adalah diambil kira dengan teliti dalam pelan undang-undang alam ini.

Angin juga seperti kekuatan-kekuatan alam yang lain adalah tunduk kepada perintah Tuhannya dan bertindak melaksanakan tugas-tugas yang diperintah kepadanya dalam lingkungan undang-undang alam yang diatur untuknya dan untuk seluruh kejadian alam yang lain. Sama dengan kekuatan angin ialah kekuatan manusia yang tunduk kepada kehendak iradat Allah. Juga ditundukkan kepada manusia kekuatan-kekuatan alam yang dikehendaki Allah. Dan apabila manusia bergerak atau bertindak, maka bererti mereka menunaikan peranan mereka di alam ini untuk menyempurnakan kehendak iradat Allah terhadap mereka. Kebebasan kemahuan mereka dalam bergerak atau bertindak dan memilih merupakan sebahagian dari undang-undang agung Allah yang membawa keserasian dan keharmonian dalam perjalanan seluruh alam, di mana segala sesuatu diatur dengan teliti tanpa percanggahan dan kekacauan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Pusingan ini diakhiri dengan satu teladan umum yang menyentuh kebinasaan yang berlaku kepada kaum-kaum yang ada di sekeliling kaum Musyrikin Makkah sama ada kaum 'Ad atau bukan kaum 'Ad:

وَلَقَدْ أَهْلَكْنَا مَا حَوْلَكُم مِّنَ ٱلْقُرَىٰ وَصَرَّفْنَا ٱلْـَٔايَٰتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢٧﴾

فَلَوْلَا نَصَرَهُمُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ قُرْبَانًا ءَالِهَةًۢ ۖ بَلْ ضَلُّوا۟ عَنْهُمْ ۚ وَذَٰلِكَ إِفْكُهُمْ وَمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah membinasakan negeri-negeri di sekeliling kamu dan telah menerangkan ayat-ayat Kami

dengan berbagai-bagai cara supaya kamu kembali (ke jalan Allah) (27). Maka mengapakah sembahan-sembahan yang disembahkan mereka selain dari Allah sebagai tuhan-tuhan untuk mendekatkan mereka kepada Allah itu tidak menolong mereka, bahkan mereka menghilangkan diri dari mereka? Itulah pembohongan mereka dan akibat perbuatan mereka mengada-ngadakan sembahan-sembahan."(28)

Allah S.W.T. telah membinasakan negeri-negeri yang telah mendustakan rasul-rasul-Nya di Semenanjung Tanah Arab seperti kaum 'Ad di al-Ahqaaf di Selatan dan kaum Thamud di al-Hijr di Utaranya dan penduduk Saba' di Yaman dan penduduk Madyan yang tinggal di tengah jalan mereka (kaum Musyrikin Makkah) menuju ke Syam. Begitu juga kampung-kampung kaum Lut yang mereka lalui dalam perjalanan perniagaan mereka di musim panas di Utara.

Allah S.W.T. telah menunjukkan berbagai-bagai tanda kekuasaan-Nya supaya pendusta-pendusta itu kembali dan bertaubat kepada-Nya, tetapi mereka terus berdegil di dalam kesesatan mereka, lalu mereka dibinasakan Allah dengan 'azab bencana yang dahsyat, yang diturunkan dengan berbagai-bagai bentuk, iaitu 'azab-'azab bencana yang menjadi cerita-cerita sejarah yang diperkatakan oleh generasi-generasi mereka yang kemudian, dan diketahui oleh orang-orang yang datang selepas mereka. Cerita-cerita ini telah didengar kaum Musyrikin Makkah dan mereka sendiri telah melihat kesan-kesannya semasa mereka bermusafir pergi dan pulang.

Di sini Al-Qur'an menarik perhatian mereka kepada hakikat yang telah menjadi kenyataan, iaitu Allah S.W.T. telah membinasakan kaum Musyrikin sebelum mereka. Dia telah memusnahkan mereka, sedangkan tuhan-tuhan yang mereka sembah selain dari Allah S.W.T. itu dengan harapan supaya tuhan-tuhan itu dapat mendekatkan diri mereka kepada Allah S.W.T. itu, tidak dapat menyelamatkan mereka.

فَلَوْلَا نَصَرَهُمُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ قُرْبَانًا
ءَالِهَةًۢ ۖ ..

"Mengapakah sembahan-sembahan yang disembahkan mereka selain dari Allah sebagai tuhan-tuhan untuk mendekatkan mereka kepada Allah itu tidak menolong mereka?"(28)

Sembahan-sembahan itu tidak dapat menolong mereka:

بَلْ ضَلُّوا۟ عَنْهُمْ ۚ

"Bahkan mereka menghilangkan diri dari mereka."(28)

Sembahan-sembahan itu meninggalkan mereka sendirian sahaja. Mereka tidak mengetahui jalan untuk menuju kepada mereka, apatah lagi untuk menolong dan menyelamatkan mereka dari keseksaan Allah.

وَذَٰلِكَ إِفْكُهُمْ وَمَا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿٢٨﴾

"Itulah pembohongan mereka dan akibat perbuatan mereka mengada-ngadakan sembahan-sembahan."(28)

Itu adalah satu pembohongan dan satu perbuatan mengada-ngada, itulah akhir kesudahan dan hakikatnya, iaitu kebinasaan dan kehancuran. Apakah yang diharap-harapkan kaum Musyrikin yang menyembah sembahan-sembahan selain dari Allah dengan dakwaan bahawa sembahan-sembahan itu dapat mendekatkan mereka kepada Allah? Inilah akibatnya dan inilah akhir kesudahannya.

(Kumpulan ayat-ayat 29 - 35)

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ
ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ ۖ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟
إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾
قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ
مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ
طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾
يَٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم
مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾
وَمَن لَّا يُجِبْ دَاعِىَ ٱللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِى ٱلْأَرْضِ
وَلَيْسَ لَهُۥ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءُ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾
أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
وَلَمْ يَعْىَ بِخَلْقِهِنَّ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْۦِىَ ٱلْمَوْتَىٰ ۚ بَلَىٰٓ
إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾
وَيَوْمَ يُعْرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ ۖ
قَالُوا۟ بَلَىٰ وَرَبِّنَا ۚ قَالَ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ
تَكْفُرُونَ ﴿٣٤﴾
فَٱصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُو۟لُوا۟ ٱلْعَزْمِ مِنَ ٱلرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِل

لَهُمْ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبَثُوٓا۟ إِلَّا سَاعَةً مِّن نَّهَارٍۭ ۚ بَلَٰغٌ ۚ فَهَلْ يُهْلَكُ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami arahkan serombongan jin datang kepadamu (Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an. Dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata (sesama mereka): Diam dan dengarlah dengan teliti (bacaan Al-Qur'an)! Dan apabila selesai bacaan itu mereka pun kembali kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka (29). Mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus (30). Wahai kaum Kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih (31). Dan barang siapa yang tidak menyambut seruan Rasul yang menyeru kepada Allah, maka ia tidak akan dapat melemahkan Allah (dari mengazabkannya) di bumi ini dan tiada penaung-penaung baginya selain dari Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata (32). Tidakkah mereka memperhatikan bahawa Allah yang telah mencipta langit dan bumi tanpa mengalami kesulitan dalam menciptakan keduanya adalah berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati? Malah sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (33). Dan (ingatlah) pada hari orang-orang yang kafir didedahkan kepada Neraka (lalu dikatakan kepada mereka): Bukankah 'azab ini benar? Jawab mereka: Ya benar, demi Tuhan kami. Allah berfirman: Rasakanlah 'azab ini dengan sebab kekufuran kamu (34). Oleh itu bersabarlah (wahai Muhammad) sebagaimana sabarnya rasul-rasul Ulul-'Azmi dan janganlah engkau minta disegerakan 'azab ke atas mereka. Pada hari mereka melihat 'azab yang diancamkan kepada mereka, mereka merasa seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia ini melainkan hanya selama sesa'at sahaja dari hari siang. Ini adalah satu pengumuman amaran. Ingatlah! Tiada yang dibinasakan melainkan kaum yang fasiq."(35)

Pusingan yang akhir ini adalah satu penjelajahan yang baru dalam persoalan yang dibicarakan oleh surah ini. Penceritaan kisah rombongan jin yang mendengar Al-Qur'an ini dan bagaimana mereka berseru-seruan satu sama lain supaya diam dan mendengarnya dengan teliti, lalu hati mereka beriman dengan penuh keyakinan, kemudian mereka pulang kepada kaum mereka memberi peringatan dan amaran. Mereka menyeru kaum mereka kepada Allah dan mengembirakan mereka dengan janji-janji keampunan dan keselamatan terjerumus ke dalam kekufuran dan kesesatan.... penceritaan kisah ini dengan gambaran yang sedemikian rupa di samping gambaran bagaimana pengaruh Al-Qur'an itu, menyentuh hati kumpulan jin begitu mendalam yang tergambar dalam kata-kata mereka satu sama lain:

أَنصِتُوا۟

"Diam dan dengarlah dengan teliti."(29)

Setelah Al-Qur'an mengetuk telinga mereka di samping tergambar langkah-langkah mereka menceritakan hal Al-Qur'an ini kepada kaum mereka serta menyeru mereka kepada beriman semua penceritaan ini dapat menggerakkan hati manusia kerana Al-Qur'an ini pada asalnya diturunkan kepada mereka. Ini adalah satu pukulan yang berkesan dan tidak syak lagi memberi perhatian yang kuat dan mendalam kepada hati manusia. Dan dalam waktu yang sama disebutkan pula hubungan di antara kitab Musa dan kitab Al-Qur'an menerusi percakapan jin. Ini merupakan satu pengumuman hakikat yang difahami makhluk-makhluk jin, tetapi diabaikan oleh makhluk manusia. Kini jelaslah bahawa penceritaan itu mengandungi saranan dan pemberangsangan yang amat mendalam sesuai dengan apa yang dibicarakan oleh surah ini.

Begitu juga terdapat dalam kandungan percakapan jin yang menyentuh kitab alam yang terbuka yang membuktikan qudrat Allah yang jelas dalam penciptaan langit dan bumi, juga membuktikan qudrat Allah untuk menghidupkan yang mati dan mewujudkan hari kebangkitan yang menjadi satu persoalan yang dipertikai dan diingkarkan manusia.

Sesuai dengan menyebut hari kebangkitan, Al-Qur'an menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat:

وَيَوْمَ يُعْرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ

"Dan (ingatlah) hari orang-orang kafir didedahkan kepada api Neraka."(34)

Pada akhirnya tibalah pesanan kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau bersabar dan jangan meminta disegerakan 'azab ke atas mereka dan tinggalkan sahaja urusan mereka kepada ajal dunia yang telah ditetapkan, iaitu ajal yang amat dekat seolah-olah sesa'at siang hari sahaja. Ini adalah satu pengumuman yang perlu diinsafi sebelum tibanya hari kebinasaan itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 33)

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ ۖ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟ إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

يَٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم

مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾
وَمَن لَّا يُجِبْ دَاعِيَ ٱللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِي ٱلْأَرْضِ
وَلَيْسَ لَهُۥ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءُ ۚ أُو۟لَـٰٓئِكَ فِى ضَلَـٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾
أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ
وَلَمْ يَعْىَ بِخَلْقِهِنَّ بِقَـٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧىَ ٱلْمَوْتَىٰ ۚ بَلَىٰٓ
إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami arahkan serombongan jin datang kepadamu (Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an. Dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata (sesama mereka): Diam dan dengarlah dengan teliti (bacaan Al-Qur'an). Dan apabila selesai bacaan itu mereka pun kembali kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka (29). Mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus (30). Wahai kaum Kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih (31). Dan barang siapa yang tidak menyambut seruan Rasul yang menyeru kepada Allah, maka ia tidak akan dapat melemahkan Allah (dari mengazabkannya) di bumi ini dan tiada penaung-penaung baginya selain dari Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata (32). Tidakkah mereka memperhatikan bahawa Allah yang telah menciptakan langit dan bumi tanpa megalami kesulitan dalam menciptakan keduanya adalah berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati? Malah sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(33)

Percakapan rombongan jin setelah mereka mendengar Al-Qur'an itu dengan khusyu' adalah mengandungi asas 'aqidah yang sempurna iaitu kebenaran wahyu Allah, persamaan 'aqidah di antara Taurat dan Al-Qur'an, pengakuan terhadap kebenaran da'wah Al-Qur'an, keimanan kepada hari Akhirat dan bentuk amalan-amalan yang membawa kepada keampunan dan bentuk amalan-amalan yang membawa kepada 'azab Neraka, pengakuan terhadap kuatkuasa Allah yang mutlak dalam menciptakan seluruh makhluk dan menaungi para hamba dengan sendirinya sahaja, juga pertalian di antara kuasa menciptakan alam dengan kuasa menghidupkan kembali orang-orang yang mati. Inilah asas-asas 'aqidah yang terkandung di dalam surah ini dan inilah persoalan-persoalan yang dibicarakannya di dalam segala pusingannya. Semuanya itu diterangkan menerusi percakapan rombongan makhluk jin yang hidup di sebuah alam yang lain dari alam manusia.

Sebelum kita memperincikan percakapan jin ini, eloklah kita memperkatakan sepatah mengenai makhluk jin dan peristiwa mereka mendengar Al-Qur'an itu. Penceritaan Al-Qur'an mengenai peristiwa arahan kepada kumpulan jin supaya mendengar bacaan Al-Qur'an dari Nabi s.a.w. dan mengenai percakapan dan tindakan-tindakan yang diambil mereka selepas itu ini sahaja sudah cukup untuk membuktikan kewujudan makhluk jin dan kebenaran berlakunya peristiwa itu, juga untuk membuktikan bahawa makhluk jin itu boleh mendengar Al-Qur'an dengan lafaz Arabnya yang dituturkan sebagaimana yang dituturkan oleh Rasulullah s.a.w. dan untuk membuktikan bahawa makhluk jin itu adalah satu makhluk yang mempunyai kesediaan untuk keimanan dan kekufuran dan untuk menerima hidayat dan kesesatan. Di sana tidak perlu lagi kepada bukti-bukti tambahan untuk mengukuh dan menegakkan hakikat ini, kerana manusia tidak mampu menambahkuatkan lagi sesuatu hakikat yang telah dijelaskan Allah S.W.T. sendiri.

Tetapi di sini kami cuba menerangkan hakikat ini berdasarkan kefahaman manusia.

Pengetahuan Manusia Mengenai Rahsia-rahsia Alam Buana

Alam buana di sekeliling kita ini penuh dengan berbagai-bagai rahsia, penuh dengan kuasa-kuasa alam dan makhluk-makhluk yang kita tidak mengetahui hakikatnya, sifatnya dan kesannya. Kita manusia adalah hidup dalam pelukan aneka kuasa-kuasa alam dan rahsia-rahsia ini, sedangkan kita hanya mengetahui sedikit sahaja mengenainya dan sebahagian besar darinya di luar pengetahuan kita. Setiap hari kita dapat mengetahui setengah-setengah rahsia itu dan memahami setengah-setengah kuasa-kuasa itu. Kadang-kadang kita mengenali makhluk-makhluk itu dengan batang tubuhnya dan kadang-kadang dengan sifat-sifatnya dan kadang-kadang dengan kesan-kesannya sahaja yang wujud di sekeliling kita.

Kita manusia masih di permulaan jalan mengenai alam buana, ini, di mana hidupnya kita, ibubapa dan nenek moyang kita, anak-anak dan cucu cicit kita. Kita hidup di atas satu zarrah dari zarrah-zarrah alam buana yang kecil iaitu di atas planet bumi yang amat kecil ini, yang hampir-hampir tidak boleh disebut, dibandingkan dengan ukuran dan timbangan alam buana yang amat besar dan luas ini.

Apa yang kita tahu pada hari ini dibandingkan dengan ilmu pengetahuan manusia sebelum lima abad yang silam sahaja adalah lebih besar dari keanehan kejadian makhluk jin. Jika ada orang yang berkata kepada manusia sebelum lima abad yang silam tentang sesuatu rahsia dari rahsia-rahsia atom yang kita bincangkan pada hari ini tentulah mereka menuduhnya orang gila atau menuduhnya sebagai orang yang memperkatakan sesuatu yang lebih aneh dan ganjil dari kejadian makhluk jin.

Kita hanya mengetahui dan menemui rahsia-rahsia itu mengikut kadar batas-batas daya tenaga kita manusia yang disediakan kepada kita untuk mendirikan khilafah di bumi dan sesuai dengan kehendak-kehendak dan keperluan pentadbiran khilafah itu, juga dalam lingkungan kehendak Allah yang telah menundukkan segala sesuatu itu untuk faedah kita supaya rahsianya terbuka kepada kita dan supaya ia dapat digunakan oleh kita dan supaya kita dapat melaksanakan tugas khilafah di bumi ini.

Ilmu pengetahuan dan penemuan ilmiyah kita tidak melebihi batas-batas itu walau bagaimana lanjut sekalipun umur manusia dan walau bagaimana banyak ia menundukkan tenaga, kekuatan alam dan mendedahkan rahsia-rahsianya kepada kita. Ilmu dan penemuan itu tidak melebihi dari batas-batas yang kita perlu untuk melaksanakan urusan khilafah di bumi ini mengikut hikmat kebijaksanaan Allah dan perencanaan-Nya yang rapi.

Masih banyak lagi yang kita akan temui dan masih banyak lagi yang kita akan ketahui. Berbagai-bagai keajaiban dari rahsia-rahsia alam buana dan tenaga-tenaganya akan terbuka kepada kita, iaitu rahsia-rahsia (baru) yang akan menjadikan rahsia-rahsia atom itu jika dibandingkan dengan rahsia-rahsia itu hanya laksana mainan kanak-kanak sahaja. Tetapi walau bagaimanapun kita akan tetap berada di batas-batas lingkungan yang ditentukan kepada manusia perlu mengetahuinya sahaja dan dalam lingkungan batas firman Allah S.W.T.:

"Dan tidaklah dikurniakan kepada kamu ilmu pengetahuan melainkan hanya sedikit sahaja."

(Surah al-Isra': 85)

Maksudnya, ilmu-ilmu yang telah diketahui manusia itu amat sedikit jika dibandingkan dengan rahsia-rahsia dan keajaiban-keajiban yang hanya diketahui oleh Allah penciptanya sahaja, dan seterusnya manusia hanya mengetahui dalam lingkungan batas-batas yang tertentu sahaja sebagai sebahagian dari ilmu pengetahuan yang mewakili ilmu pengetahuan Allah yang tidak terbatas dan dalam lingkungan kemampuan alat-alat ilmu pengetahuan manusia yang terbatas sahaja. Firman Allah:

وَلَوْ أَنَّمَا فِي الْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَامٌ وَالْبَحْرُ يَمُدُّهُ مِن بَعْدِهِ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفِدَتْ كَلِمَاتُ اللَّهِ

"Dan jika segala pokok di bumi ini dijadikan batang pena dan lautan (dijadikan dakwat) kemudian ditambahkan pula selepas keringnya tujuh lautan lagi nescaya kalimat-kalimat (ilmu) Allah tidak akan habis juga (dicatat)."

(Surah Luqman: 27)

Berdasarkan hakikat ini, kita tidak harus berkata dengan pasti ketika menyabitkan kewujudan sesuatu atau menafikannya atau memahami sesuatu atau tidak memahaminya, mengenai sesuatu perkara dari alam ghaib yang majhul atau dari rahsia-rahsia alam buana ini dan kuasa-kuasanya kita tidak boleh menafikan dengan pasti semata-mata kerana sesuatu itu di luar kebiasaan akal dan pengalaman kita, sedangkan kita hingga kini belum lagi mengetahui segala rahsia tubuh badan kita sendiri dan sistem-sistemnya serta tenaga-tenaganya, apatah lagi memahami rahsia-rahsia akal dan roh kita.

Mungkin di sana ada rahsia-rahsia yang tidak termasuk dalam rancangan ilmu pengetahuan yang dibukakan kepada kita, atau ada rahsia-rahsia yang tidak termasuk di dalam rancangan ilmu pengetahuan yang dibukakan hakikatnya kepada kita, bahkan hanya dibukakan kepada kita sifatnya atau kesannya atau semata-mata kewujudannya sahaja, kerana ilmu-ilmu pengetahuan itu tidak berguna kepada kita dalam tugas melaksanakan urusan khilafah di bumi ini.

Apabila Allah membuka kepada kita sebahagian yang diperuntukkan kepada kita dari rahsia-rahsia dan kuasa-kuasa alam itu menerusi firman-Nya bukan menerusi pengalaman dan ilmu pengetahuan kita yang terbit dari tenaga yang dikurniakan kepada kita, maka kewajipan kita ialah menerima pengurniaan itu dengan kesyukuran dan penerimaan yang bulat, iaitu kita menerimanya sebagaimana ianya diberikan tanpa menambah atau mengurangkan sesuatu apa, kerana satu-satunya sumber yang memberikan ilmu pengetahuan ini tidak mengurniakan rahsia-rahsia itu kepada kita melainkan sekadar ini sahaja, sedangkan di sana tidak ada sumber yang lain yang dapat kita menerima darinya rahsia-rahsia yang seperti ini.

Dari ayat ini dan dari ayat-ayat Surah al-Jin - yang menurut pendapat yang lebih kuat merupakan surah yang menceritakan peristiwa ini khususnya - juga dari berbagai-bagai ayat yang disebut di sana sini mengenai makhluk jin, juga dari hadith-hadith Nabi yang sahih mengenai peristiwa ini dapatlah kita memahami beberapa hakikat mengenai makhluk jin. tidak lebih dari itu.

Intisari dari hakikat-hakikat ini ialah di sana ada sejenis makhluk yang bernama jin yang dijadikan dari api. Ini berdasarkan kepada kenyataan iblis dalam cerita mengenai Adam:

قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Jawabnya: (Iblis) saya lebih baik darinya (Adam) kerana Engkau telah menciptakanku dari api dan menciptakannya dari tanah."

(Surah al-A'raf: 12)

إِلَّا إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ الْجِنِّ فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ

"Melainkan iblis, dia adalah dari jin, lalu ia menderhakakan perintah Tuhannya."

(Surah al-Kahfi: 50)

Maksudnya, Iblis itu adalah berasal dari jin.

Makhluk Jin Dan Setengah-setengah Sifatnya

Makhluk jin mempunyai sifat-sifat yang berlainan dari sifat-sifat manusia. Di antaranya ia diciptakan dari api dan dia dapat melihat manusia, sedangkan manusia tidak dapat melihatnya. Ini berdasarkan firman Allah mengenai Iblis yang berasal dari jin itu:

إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ

"Sesungguhnya dia dan kumpulannya melihat kamu dari tempat kamu tidak dapat melihat mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Dan jin itu mempunyai kumpulan-kumpulan seperti kumpulan-kumpulan manusia berdasarkan firman Allah yang tersebut:

إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ

"Dia dan kumpulannya melihat kamu."(27)

Jin juga mempunyai kebolehan untuk hidup di bumi, tetapi kita tidak tahu di mana. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. kepada Adam dan Iblis:

قَالَ ٱهْبِطُوا۟ بَعْضُكُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ وَلَكُمْ فِى ٱلْأَرْضِ مُسْتَقَرٌّ وَمَتَٰعٌ إِلَىٰ حِينٍ ﴿٢٤﴾

"Firman Allah: Turunlah kamu sekalian. Sebahagian kamu menjadi musuh kepada sebahagian yang lain, dan disediakan untuk kamu di bumi ini tempat kediaman dan keni'matan sehingga kepada waktu yang ditetapkan."

(Surah al-A'raf: 24)

Kumpulan jin yang ditundukkan kepada Nabi Sulaiman a.s. dapat melakukan berbagai-bagai pekerjaan di bumi. Ini menunjukkan bahawa mereka dilengkapkan dengan daya qudrat untuk hidup di bumi.

Makhluk jin juga mempunyai keupayaan untuk hidup di luar planet bumi. Ini berdasarkan firman Allah Ta'ala mengenai jin:

وَٱذْكُرِ ٱسْمَ رَبِّكَ وَتَبَتَّلْ إِلَيْهِ تَبْتِيلًا ﴿٨﴾

رَّبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ فَٱتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿٩﴾

"Dan sesungguhnya kami telah menuju ke langit (untuk mengetahui rahsianya), lalu kami dapatinya penuh dengan pengawal-pengawal yang kuat dan anak-anak panah api. Dan sesungguhnya kami dahulu (sebelum kebangkitan Rasul) dapat menduduki beberapa tempat di langit untuk mendengar berita-beritanya, tetapi sekarang siapa yang cuba mendengarnya akan menemui panah-panah api yang siap sedia untuk memanahnya."

(Surah al-Jinn: 8-9)

Jin juga mempunyai kekuatan yang dapat mempengaruhi tanggapan manusia, dan dia diizinkan untuk membimbing manusia yang sesat kecuali hamba-hamba kesayangan yang dinaungi Allah. Ini berdasarkan kepada ayat-ayat yang telah lalu dan kepada firman Allah S.W.T. yang menceritakan dialog Iblis yang terkutuk:

"Kata Iblis demi kekuasaan-Mu aku akan sesatkan mereka sekalian kecuali hamba-hamba-Mu yang terpilih di antara mereka."

(Surah as-Saad: 82-83)

Dan juga berdasarkan kepada ayat-ayat yang lain yang serupa dengan ayat ini. Tetapi kita tidak tahu bagaimana ia menggoda manusia dengan bisikan-bisikan dan bimbingannya yang jahat itu dan apakah pula alat yang digunakannya.

Jin mempunyai kesediaan untuk menerima hidayat dan kesesatan. Ini berdasarkan perkataan rombongan jin di dalam Surah al-Jinn:

وَأَمَّا ٱلْقَٰسِطُونَ فَكَانُوا۟ لِجَهَنَّمَ حَطَبًا ﴿١٥﴾

وَأَلَّوِ ٱسْتَقَٰمُوا۟ عَلَى ٱلطَّرِيقَةِ لَأَسْقَيْنَٰهُم مَّآءً غَدَقًا ﴿١٦﴾

"Dan sesungguhnya di antara kami (sesudah mendengar Al-Qur'an itu) ada orang yang menganut Islam dan ada pula orang yang menyeleweng (dari kebenaran). Oleh itu sesiapa menganut Islam, maka merekalah orang-orang yang memilih jalan yang benar (14). Dan ada pun orang-orang yang menyeleweng, maka mereka akan menjadi bahan bakar Neraka Jahannam."(15)

Juga berdasarkan kepada tindakan mereka pergi berda'wah kepada kaumnya, iaitu memberi amaran kepada mereka dan menyeru mereka kepada keimanan setelah mereka memperolehi keimanan di dalam hati mereka dan mengetahui bahawa kaum mereka belum lagi mencapainya.

Inilah kadar maklumat yang diyakinkan mengenai sifat-sifat makhluk jin. Maklumat-maklumat ini sudah cukup untuk kita, dan kita tidak memerlukan kepada maklumat-maklumat tambahan yang lain yang tidak berdasarkan dalil.

Mengenai peristiwa rombongan jin yang disebutkan oleh ayat-ayat ini juga disebutkan oleh Surah al-Jinn, maka semuanya adalah mengikut pendapat yang arjah. Ada beberapa riwayat mengenai peristiwa ini, tetapi kami bentangkan di sini riwayat yang sah sahaja.

Imam al-Bukhari telah mengeluarkan hadith ini dengan isnadnya dari Musaddad, dan Muslim dari Syayban ibn Farrukh dari Abu 'Awanah, dan Imam Ahmad telah meriwayatkan hadith ini dalam musnadnya katanya: Kami telah diceritakan oleh 'Affan, kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah dan

ujar Imam al-Hafiz Abu Bakr al-Bayhaqi dalam kitabnya: "دلائل النبوة"

Kami telah dikhabarkan oleh Abul-Hassan Ali ibn Ahmad ibn 'Abdan, kami telah dikhabarkan oleh Ahmad ibn 'Ubyd as-Saffar, kami telah diceritakan oleh Ismail al-Qadhi, kami telah dikhabarkan oleh Musaddad, kami telah diceritakan oleh Abu 'Awanah dari Abu Bisyr dari Sa'id ibn Jubayr dari Ibn 'Abbas r.a. katanya: Rasulullah tidak membaca Al-Qur'an kepada jin dan tidak pula melihat mereka. Rasulullah s.a.w. telah keluar bersama serombongan sahabat-sahabatnya menuju ke pasar 'Ukkaz, sedangkan di waktu itu syaitan-syaitan telah dihalangi dari mendapat berita-berita dari langit, dan mereka telah dipanah dengan panah-panah api. Lalu syaitan-syaitan itu pun kembali kepada kaum mereka, lalu mereka bertanya mengapa kamu balik? Jawab mereka: "Kami telah dihalangi dari mendapat berita langit dan kami telah dipanah dengan panah-panah api." Mereka pun berkata: "Tiada yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit itu kecuali ada sesuatu yang telah berlaku. Oleh itu jelajahilah seluruh pelosok bumi Timur dan Barat dan carilah, apakah sebab yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit?" Lalu kumpulan itu menuju ke arah Tihamah iaitu tempat Rasulullah s.a.w. yang pada masa itu sedang berada di Nakhlah dalam perjalanannya menuju ke pasar 'Ukkaz. Beliau sedang bersembahyang fajar bersama-sama sahabat-sahabatnya. Apabila mereka mendengar Al-Qur'an (yang dibacakan oleh Rasulullah s.a.w.), mereka pun mendengarnya dengan teliti kemudian mereka berkata: "Demi Allah inilah sebab yang menghalangkan di antara kamu dengan berita langit itu." Apabila mereka pulang mendapatkan kaum mereka, maka di sana mereka berkata: "Wahai kaum kami! Kami telah mendengar Al-Qur'an yang amat menarik yang memberi hidayat ke jalan yang lurus, lalu kami beriman kepadanya dan kami tidak akan mempersekutukan Tuhan kami dengan sesiapa pun." Kemudian Allah menurunkan kepada Nabi-Nya s.a.w. ayat:

قل أوحى إلي أنه استمع نفر من الجن

"(Wahai Muhammad!) Katakanlah aku telah diwahyukan bahawa sekumpulan makhluk jin telah mendengar Al-Qur'an (yang dibaca olehku)."

Sebenarnya apa yang diwahyukan kepada beliau ialah perkataan jin.

Imam Muslim, Abu Daud dan at-Tirmizi telah mengeluarkan (hadith berikut) dengan isnadnya dari 'Alqamah katanya: Aku berkata kepada Ibn Mas'ud r.a.: "Adakah sesiapa di antara kamu yang hadir bersama Rasulullah s.a.w. pada malam peristiwa jin itu?" Dia menjawab: "Tidak ada! Tetapi kami pada suatu malam ada bersama-sama Rasulullah s.a.w. kemudian kami kehilangannya, lalu kami cari beliau di merata wadi dan jalan-jalan celah bukit. Dan kami berkata: Beliau telah dibawa lari atau dibunuh orang. Lalu kami bermalam dan malam itu merupakan seburuk-buruk malam yang ditiduri oleh sesuatu kaum. Apabila kami berada di waktu pagi tiba-tiba beliau datang dari arah Bukit Hira'. Kami pun berkata: Ya Rasulullah, kami telah kehilangan anda, kami telah puas mencari-cari anda tetapi kami gagal menjumpai anda, lalu kami bermalam dan malam itu merupakan seburuk-buruk malam yang ditiduri oleh sesuatu kaum. Jawab beliau: "Aku telah dikunjungi oleh jin. Ia menjemput aku, lalu aku pun pergi bersamanya dan aku baca Al-Qur'an kepada mereka." Katanya: "Lalu beliau pun membawa kami dan menunjukkan kepada kami kesan-kesan jin itu dan kesan-kesan api mereka. Dan jin itu menanyakan beliau tentang makanan, lalu beliau bersabda: "Makanan (yang halal) untuk kamu ialah setiap tulang yang disebutkan nama Allah Ta'ala (ketika makannya), apabila jatuh ke tangan kamu ia akan menjadi tulang yang amat banyak dagingnya. Setiap tahi binatang dan tahi unta dan kuda atau sebagainya menjadi makanan kepada binatang-binatang kamu," Rasulullah s.a.w. telah bersabda, "Oleh itu janganlah kamu beristinja' dengan kedua-duanya kerana kedua-duanya adalah makanan kepada saudara-saudara kamu."

Dan katanya: Ibn Ishaq telah membawa - menurut riwayat Ibn Hisyam dari as-Sirah - cerita rombongan jin selepas berita Rasulullah s.a.w. keluar ke Ta'if mencari pertolongan kaum Thaqif selepas kematian bapa saudaranya Abu Talib dan selepas penindasan kaum Quraysy meningkat hebat terhadap beliau dan orang-orang Islam di Makkah. Kaum Thaqif telah menolak permintaan beliau dengan cara yang amat biadab. Mereka telah memberangsangkan samseng-samseng dan kanak-kanak supaya menghalau beliau sehingga mereka telah melukakan kaki Rasulullah s.a.w. dengan lontaran-lontaran anak-anak batu. Lalu beliau bertawajjuh kepada Allah dengan sebuah do'a yang amat menarik, mendalam dan luhur:

اللهم إليك أشكو ضعف قوتي ، وقلة حيلتي ، وهواني
على الناس . ياأرحم الراحمين ، أنت رب المستضعفين
وأنت ربي. إلى من تكلني ؟ إلى بعيد يتجهمني ؟ أم إلى
عدوملكته أمري ؟ إن لم يكن بك علي غضب فلا أبالي،
ولكن عافيتك أو سع لي. أعوذ بنور وجهك الذي
أشرقت له الظلمات ، وصلح عليه أمر الدنيا والآخرة،
من أن تنزل بي غضبك، أو يحل عليّ سخطك . لك
العتبي حتى ترضى. ولا حول ولا قوة إلا بك.

"Ya Tuhanku! Aku merayu pada-Mu betapa lemahnya kekuatanku, betapa sedikitnya keupayaanku, betapa hinanya aku di sisi manusia. Wahai Tuhan yang paling pengasih dari semua yang pengasih! Engkaulah Tuhan orang-orang yang lemah dan Engkaulah Tuhanku. Kepada siapakah Engkau serahkanku? Adakah kepada orang jauh yang menyambutku dengan wajah yang masam? Atau kepada musuh yang menguasai urusanku? Andainya tiada apa-apa kemarahan-Mu terhadapku, maka tiadalah apa-apa yang menyusahkanku, tetapi perlindungan-Mu kepadaku itulah yang lebih selesa kepadaku. Aku berlindung dengan nur

wajah-Mu yang menerangi segala kegelapan dan memperbaiki urusan dunia dan Akhirat dari diturunkan kemurkaan-Mu atau ditimpa kemarahan-Mu ke atasku. Kepada-Mulah taubat dari dosa dan kejahatan hingga Engkau redha dan tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Mu."

Katanya: Kemudian Rasulullah s.a.w. berundur dari Ta'if pulang ke Makkah apabila ia kecewa mendapat pertolongan kaum Ta'if sehingga apabila beliau berada di Nakhlah, beliau bangun di tengah malam mendirikan solat, tiba-tiba lalu serombongan jin yang diceritakan oleh Allah Tabaraka Wa Ta'ala, dan mereka - mengikut yang disebut kepada aku - adalah tujuh orang semuanya dari jin Nasibiin. Mereka mendengar beliau membaca Al-Qur'an. Dan setelah beliau selesai dari solatnya, mereka pulang memberi peringatan dan amaran kepada kaum mereka. Mereka telah beriman dan menerima segala pengajaran yang didengari mereka dari Al-Qur'an. Lalu Allah menceritakan kisah mereka kepada Rasulullah s.a.w., firman Allah:

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟ إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

قَالُوا۟ يَٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika kami arahkan serombongan jin datang kepadamu (Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an. Dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata (sesama mereka): Diam dan dengarlah dengan teliti (bacaan Al-Qur'an)! Dan apabila selesai bacaan itu mereka pun kembali kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka (29). Mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus (30). Wahai kaum kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepadanya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih."(31)

Dan firman Allah: قل أوحى إلي أنه استمع نفر من الجن sehingga akhir kisah jin di dalam surah ini.

Ibn Kathir telah memberi ulasan dalam tafsirnya mengenai riwayat Ibn Ishaq dengan katanya: "Ini adalah betul, tetapi perkataannya (Ibn Ishaq) bahawa kumpulan jin mendengar Al-Qur'an pada malam itu adalah dipertikaikan, kerana kumpulan jin itu mendengar Al-Qur'an di masa permulaan wahyu sebagaimana telah dibuktikan oleh riwayat Ibn 'Abbas r.a. yang telah disebutkan itu, sedangkan peristiwa Nabi s.a.w. keluar pergi ke Ta'if itu adalah berlaku selepas kematian bapa saudaranya, iaitu setahun atau dua tahun sebelum hijrah sebagaimana telah ditegaskan oleh Ibn Ishaq sendiri dan lainnya. Wallahu'alam."

Di sana terdapat berbagai-bagai riwayat, tetapi di antara riwayat-riwayat itu kami hanya berpegang dengan riwayat yang pertama iaitu riwayat dari Ibn 'Abbas r.a. kerana riwayat ini benar-benar sesuai dengan ayat:

قل أوحى إلي أنه استمع نفر من الجن

Ayat ini menunjukkan dengan pasti bahawa Rasulullah s.a.w. hanya mengetahui peristiwa-peristiwa rombongan jin mendengar Al-Qur'an itu menerusi wahyu sahaja dan beliau tidak melihat dan sedar dengan kehadiran mereka. Di samping itu riwayat Ibn 'Abbas ini adalah riwayat yang terkuat dari segi isnad dan takhrij. Dan riwayat Ibn Ishaq juga sepakat dengannya mengenai perkara ini (Nabi tidak melihat jin) dikuatkan pula oleh keterangan Al-Qur'an, di mana kita mengetahui sebahagian dari sifat jin iaitu:

إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ

"Sesungguhnya Dia dan kumpulannya melihat kamu dari tempat yang kamu tidak melihat mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Setakat ini cukuplah tahqiq kita mengenai peristiwa rombongan jin mendengar bacaan Al-Qur'an.

******

وَإِذْ صَرَفْنَآ إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ ٱلْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ ٱلْقُرْءَانَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟ فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟ إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan (kenangilah) ketika Kami arahkan serombongan jin datang kepadamu (Muhammad) untuk mendengar Al-Qur'an. Dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata (sesama mereka): Diam dan dengarlah dengan teliti (bacaan Al-Qur'an). Dan apabila selesai bacaan itu mereka pun kembali kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka."(29)

Kini jelaslah bahawa Allah telah mengaturkan tadbirnya mengarahkan rombongan jin itu mendengar Al-Qur'an. Ia bukanlah satu peristiwa kebetulan atau mendadak. Allah telah menetapkan dalam perencanaan-Nya bahawa makhluk jin dapat mengetahui berita kerasulan yang akhir sebagaimana sebelum ini mereka telah mengetahui kerasulan Musa, dan sebahagian dari mereka telah beriman dan

terselamat dari 'azab Neraka yang disediakan kepada syaitan dan manusia.

Ayat ini menggambarkan pemandangan rombongan jin itu yang terdiri di antara tiga dan sepuluh orang. Mereka semua mendengar bacaan Al-Qur'an. Ayat ini juga menggambarkan perubahan yang berlaku pada hati mereka setelah mendengar bacaan itu. Mereka begitu tertarik, gementar dan khusyu':

فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوٓا۟ أَنصِتُوا۟

"Dan apabila mereka menghadirinya mereka berkata (sesama mereka): Diam dan dengarlah dengan teliti (bacaan Al-Qur'an)."(29)

فَلَمَّا قُضِىَ وَلَّوْا۟ إِلَىٰ قَوْمِهِم مُّنذِرِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan apabila selesai bacaan itu mereka pun kembali kepada kaum mereka memberi amaran kepada mereka."(29)

Ayat ini juga seperti ayat yang lalu sama-sama menggambarkan kesan bacaan Al-Qur'an yang terterap di dalam hati jin itu. Mereka telah mendengarnya dengan teliti sehingga akhir. Dan sebaik sahaja selesai bacaan itu, mereka terus balik dengan segera menemui kaum mereka. Mereka membawa di dalam jiwa dan perasaan mereka kesan-kesan yang tidak dapat mereka diamkannya atau teragak-agak untuk menyampai dan memberi peringatan dan amaran kepada kaum mereka. Itulah keadaan yang dialami seorang yang hatinya dipenuhi oleh sesuatu yang baru dan perasaannya penuh sarat dengan dorongan-dorongan yang kuat supaya ia bertindak menyampainya kepada orang lain dengan bersungguh-sungguh dan hati-hati.

قَالُوا۟ يَـٰقَوْمَنَآ إِنَّا سَمِعْنَا كِتَـٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

"Mereka berkata: Wahai kaum kami! Sesungguhnya kami telah mendengar kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa, yang mengesahkan kebenaran kitab-kitab suci yang terdahulu darinya. Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus."(30)

Maksudnya, mereka dengan segera pulang mendapatkan kaum mereka dan berkata kepada mereka:

إِنَّا سَمِعْنَا كِتَـٰبًا أُنزِلَ مِنۢ بَعْدِ مُوسَىٰ مُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيْهِ

"Kami telah mendengar satu kitab (Al-Qur'an) yang diturunkan selepas Musa, yang mengesahkan kitab-kitab suci yang terdahulu darinya."(30)

Ini bererti bahawa makhluk jin itu mengetahui kitab Musa dan memahami hubungan yang wujud di antara dua kitab itu sebaik sahaja mereka mendengar ayat-ayat Al-Qur'an. Boleh jadi ayat-ayat yang didengarkan mereka itu tidak menyebut Musa dan tidak pula menyebut kitabnya tetapi sifat ayat-ayat itu sendiri membuktikan bahawa ia diturunkan dari sumber yang sama menurunkan kitab Musa. Pengakuan makhluk jin yang jauh dari pengaruh kehidupan manusia dan semata-mata difahami mereka dari ayat Al-Qur'an yang mereka dengar itu mengandungi makna dan saranan yang amat mendalam.

Kemudian mereka melahirkan kesan yang dialami perasaan dan hati mereka:

يَهْدِىٓ إِلَى ٱلْحَقِّ وَإِلَىٰ طَرِيقٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٣٠﴾

"Ia memberi hidayat kepada kebenaran dan jalan yang lurus."(30)

Kesan kebenaran dan hidayat Al-Qur'an itu amat kuat sekali. Ia tidak dapat ditolak oleh hati yang tidak padam cahayanya dan tidak boleh disanggah oleh jiwa yang tidak angkuh, sombong dan tidak ditunggangi hawa nafsu yang liar dan keji, kerana itu Al-Qur'an terus memikat hati jin-jin dari awal-awal lagi dan mendorong mereka membuat pengakuan ini dan melahirkan perasaan yang dialami hati mereka.

Kemudian jin-jin, itu terus bertindak memberi peringatan kepada kaum mereka dengan penuh semangat, iaitu semangat orang yang beriman dan yakin bahawa mereka berkewajipan menyampai amaran itu kepada kaum mereka.

يَـٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ يَغْفِرْ لَكُم مِّن ذُنُوبِكُمْ وَيُجِرْكُم مِّنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣١﴾

"Wahai kaum Kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepada-Nya, nescaya Dia ampunkan kamu dari dosa-dosa kamu dan menyelamatkan kamu dari 'azab yang amat pedih."(31)

Mereka menganggapkan turunnya kitab Al-Qur'an ini sebagai da'wah dari Allah kepada siapa sahaja yang sampai seruannya sama ada manusia atau jin, dan menganggapkan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penda'wah yang menyeru mereka kepada Allah apabila beliau membaca Al-Qur'an yang didengar manusia dan jin. Lalu mereka menyeru kaum mereka:

يَـٰقَوْمَنَآ أَجِيبُوا۟ دَاعِىَ ٱللَّهِ وَءَامِنُوا۟ بِهِۦ

"Wahai kaum kami! Sambutlah seruan Rasul yang menyeru kepada Allah dan berimanlah kepada-Nya."(31)

Mereka juga beriman kepada hari Akhirat. Mereka tahu bahawa beriman dan menyahuti seruan Allah itu akan dibalas dengan keampunan terhadap dosa-dosa dan dengan keselamatan dari 'azab Akhirat, kerana itu mereka mengingatkan kaum mereka dengan hakikat yang telah diketahui mereka.

Menurut Ibn Ishaq, perkataan jin itu berakhir pada ayat ini (ayat 31), tetapi hubungan ayat ini

menyarankan bahawa kedua-dua ayat yang berikut ini juga dari perkataan rombongan jin itu. Kami sokong pendapat ini terutama ayat berikut:

وَمَن لَّا يُجِبْ دَاعِيَ ٱللَّهِ فَلَيْسَ بِمُعْجِزٍ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَيْسَ لَهُۥ مِن دُونِهِۦٓ أَوْلِيَآءُ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ فِي ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٣٢﴾

"Dan barang siapa yang tidak menyambut seruan Rasul yang menyeru kepada Allah, maka ia tidak akan dapat melemahkan Allah (dari mengazabkannya) di bumi ini dan tiada penaung-penaung baginya selain dari Allah. Mereka berada dalam kesesatan yang amat nyata."(32)

Perkataan ini merupakan perkataan yang menyempurnakan maksud peringatan dan amaran rombongan jin kepada kaum mereka. Mereka telah menyeru kaum mereka supaya beriman dan menyahuti, seruan Allah. Kemungkinan perkataan ini dari perkataan mereka amatlah kuat, iaitu ereka mahu menjelaskan kepada kaum mereka bahawa keengganan menyahut seruan Allah ini amat besar padahnya dan orang yang tidak menyahut seruan itu tidak akan terlepas dari 'azab Allah yang amat pedih. Di sana tidak ada pelindung-pelindung yang dapat menolongnya selain dari Allah. Dan orang-orang yang berpaling dari seruan itu adalah orang-orang yang terang-terang sesat dari jalan yang lurus.

Demikianlah juga ayat yang kemudian darinya (iaitu ayat 33) mempunyai kemungkinan yang kuat dari percakapan rombongan jin itu, juga dengan tujuan untuk melahirkan rasa kehairanan mereka terhadap orang-orang yang enggan menyahut seruan Allah kerana menganggap bahawa mereka akan terlepas dari balasan Allah atau di sana tidak ada Hisab dan balasan:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَلَمْ يَعْيَ بِخَلْقِهِنَّ بِقَٰدِرٍ عَلَىٰٓ أَن يُحْـِۧيَ ٱلْمَوْتَىٰ ۚ بَلَىٰٓ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾

"Tidakkah mereka memperhatikan bahawa Allah yang telah mencipta langit dan bumi tanpa mengalami kesulitan dalam menciptakan kedua-duanya adalah berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati? Malah sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(33)

Ayat ini menarik perhatian kepada kitab alam buana yang dilihat yang telah disebut di permulaan surah. Ayat-ayat Al-Qur'an seringkali mengandungi keserasian yang seperti ini di antara sesuatu firman yang langsung dari sesuatu surah dengan satu firman yang sama sepertinya yang disebut dalam satu kisah yang lain, dan dengan ini berlakulah pertemuan yang selaras di antara dua sumber yang berlainan mengenai satu hakikat yang sama.

Kitab alam buana mengakui qudrat kuasa Allah yang mengambil daya utama menciptakan alam yang besar ini, iaitu penciptaan langit dan bumi. Dan kitab alam buana juga membayangkan kepada hati manusia betapa mudah kepada Allah untuk menghidupkan kembali manusia yang telah mati itu. Penghidupan kembali itulah yang dimaksudkan dalam ayat ini. Mengolahkan persoalan ini dalam bentuk soal jawab adalah lebih kuat dan lebih berkesan untuk menegakkan hakikat ini. Pada akhirnya tibalah kesimpulan yang menyeluruh iaitu:

إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٣﴾

"Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(33)

Kekuasaannya merangkumi kerja-kerja menghidupkan yang mati dan lainnya. Seluruhnya berada dalam lingkungan qudrat Allah yang meliputi segala-galanya sama ada yang telah berlaku atau akan berlaku.

******

(Pentafsiran ayat 34)

Ketika menyebut persoalan menghidupkan yang mati, terlukislah satu pemandangan Hisab seolah-olah dapat dilihat dengan mata kepala:

وَيَوْمَ يُعْرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ ۖ قَالُوا۟ بَلَىٰ وَرَبِّنَا ۚ قَالَ فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٤﴾

"Dan (ingatlah) pada hari orang-orang yang kafir didedahkan kepada Neraka. (Lalu dikatakan kepada mereka): Bukankah 'azab ini benar? Jawab mereka: Ya benar, demi Tuhan kami. Allah berfirman: Rasakanlah 'azab ini dengan sebab kekufuran kamu."(34)

Pemandangan itu dimulakan dengan cerita atau dengan permulaan cerita:

وَيَوْمَ يُعْرَضُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَلَى ٱلنَّارِ

"Dan (ingatlah) pada hari orang-orang kafir didedahkan kepada Neraka."(34)

Ketika pendengar menunggu-nunggu penerangan selanjutnya apakah yang akan berlaku pada hari itu, tiba-tiba yang dikemukakan ialah pemandangan setakat itu sahaja dan tiba-tiba soal jawab tercetus dari pemandangan itu:

أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ

"Bukankah 'azab itu benar?"(34)

Tidakkah pertanyaan ini dahsyat? Ia memberi pukulan yang amat kuat kepada orang-orang yang mendustakan Rasul, mempersenda-sendakannya dan

mencabar supaya disegerakan 'azab yang dijanjikan itu, tetapi pada hari ini leher mereka tunduk mengakui kebenaran yang diingkari mereka.

Mereka menjawab dengan penuh kecewa, hina dan takut:

قَالُواْ بَلَىٰ وَرَبِّنَاۚ

"Ya benar, demi Tuhan kami."(34)

Demikianlah mereka bersumpah-sumpah, "Demi Tuhan kami" (وربنا) iaitu Tuhan yang mereka tidak pernah menyahuti seruan-Nya, tidak pernah mendengar peringatan Nabi-Nya, tidak pernah mengakui Rububiyah-Nya. Tiba-tiba pada hari ini mereka bersumpah mengakui kebenaran yang telah diingkarkan mereka itu.

Apabila pertanyaan telah sampai ke kemuncak penghinaan dan soal jawab telah berakhir:

قَالَ فَذُوقُواْ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٤﴾

"Allah berfirman: Rasakanlah 'azab ini dengan sebab kekufuran kamu."(34)

Kini kesalahan telah jelas yang salah mengaku salah, maka bawalah mereka ke Neraka Jahannam!

Kepantasan pemandangan ini memang sengaja diatur dan perbicaraannya dijalankan dengan begitu tegas hingga tiada ruang untuk soaljawab. Mereka dahulu telah ingkarkan kebenaran dan sekarang mereka mengaku kesalahan mereka dan tiada apa lagi melainkan biarlah mereka rasakan 'azab Neraka Jahannam itu.

******

(Pentafsiran ayat 35)

Setelah ditayangkan pemandangan kesudahan orang-orang yang kafir dan pemandangan keimanan dari penghuni-penghuni alam jin, dan setelah dibentangkan perkataan-perkataan orang-orang kafir tentang Rasulullah s.a.w. dan tentang Al-Qur'anul-Karim, tibalah pula perintah yang akhir mengarah Rasulullah s.a.w. supaya bersabar menghadapi tindak-tanduk mereka dan supaya beliau jangan memohon disegerakan 'azab ke atas mereka, kerana beliau sendiri telah melihat kesudahan yang menunggu mereka dan kesudahan itu amat dekat dengan mereka:.

فَٱصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُوْلُواْ ٱلْعَزْمِ مِنَ ٱلرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِل لَّهُمْۚ كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبَثُوٓاْ إِلَّا سَاعَةً مِّن نَّهَارٍۭۚ بَلَٰغٌۚ فَهَلْ يُهْلَكُ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Oleh itu bersabarlah (wahai Muhammad) sebagaimana sabarnya rasul-rasul Ulul-'Azmi dan janganlah engkau minta disegerakan 'azab ke atas mereka. Pada hari mereka melihat 'azab yang diancamkan kepada mereka, mereka merasa seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia ini melainkan hanya selama sesa'at sahaja dari hari siang. Ini adalah satu pengumuman amaran. Ingatlah! Tiada yang dibinasakan melainkan kaum yang fasiq."(35)

Setiap kalimat di dalam ayat ini mengandungi makna yang amat besar dan di sebalik setiap ungkapannya terdapat berbagai-bagai gambaran, bayangan, pengertian, saranan, persoalan-persoalan dan nilai-nilai.

فَٱصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُوْلُواْ ٱلْعَزْمِ مِنَ ٱلرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِل لَّهُمْۚ

"Bersabarlah (wahai Muhammad)! Sebagaimana sabarnya rasul-rasul Ulul-'Azmi dan janganlah engkau meminta disegerakan 'azab ke atas mereka."(35)

Ini adalah arahan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. yang telah menanggung segala macam penderitaan dan penindasan dari kaumnya. Beliau dilahir dan membesar dalam keyatiman, beliau dipisahkan satu demi satu dari penjaga, pemelihara dan penaung, dan dari segala tempat pergantungan di bumi mula-mula bapa, kemudian ibu, kemudian datuk, kemudian bapa saudara, kemudian isteri yang setia dan penyayang, beliau memberi seluruh apa yang ada padanya untuk Allah dan untuk da'wah-Nya, bersih dari segala gangguan dan kesibukan yang lain, dan sunyi dari segala penyokong yang kuat. Beliau telah menerima penindasan-penindasan dari kaum kerabatnya yang dekat dari golongan Musyrikin lebih dahsyat dari penindasan kaum Musyrikin yang jauh. Beliau keluar di sana sini, sekali demi sekali meminta pertolongan dari suku-suku kaum dan individu-individu, tetapi semua permintaannya ditolak dan sering kali dihina dan diejek oleh samseng-samseng dan beliau pernah dilontar batu oleh mereka hingga dua tapak kakinya yang suci itu luka berdarah. Beliau tidak berbuat apa-apa selain dari berdo'a kepada Allah dengan do'anya yang khusyu' dan luhur.

Namun demikian, beliau masih memerlukan kepada arahan Tuhannya:

فَٱصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُوْلُواْ ٱلْعَزْمِ مِنَ ٱلرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِل لَّهُمْۚ

"Bersabarlah (wahai Muhammad)! Sebagaimana sabarnya rasul-rasul Ulul-'Azmi dan janganlah engkau meminta disegerakan 'azab ke atas mereka."(35)

Sesungguhnya jalan da'wah itu amat sukar dan pahit hingga jiwa yang kukuh, teguh, dan bersih seperti jiwa Nabi Muhammad s.a.w. masih lagi memerlukan kepada arahan Rabbani supaya beliau bersabar dan jangan mohon disegerakan 'azab ke atas musuh-musuh da'wahnya yang degil itu. Memang benar! Bahawa kesulitan menempoh jalan perjuangan da'wah memerlukan kepada sesuatu yang menyenangkan hati dan memerlukan kesabaran.

Kepahitan perjuangan da'wah memerlukan kepada seteguk minuman nyaman dari madu kasih mesra Ilahi yang wangi:

فَٱصْبِرْ كَمَا صَبَرَ أُوْلُوا۟ ٱلْعَزْمِ مِنَ ٱلرُّسُلِ وَلَا تَسْتَعْجِل لَّهُمْ ۚ

"Bersabarlah (wahai Muhammad)! Sebagaimana sabarnya rasul-rasul Ulul-'Azmi dan janganlah engkau meminta disegerakan 'azab ke atas mereka."(35)

Ayat ini merupakan pemberangsangan, penyabaran, hiburan dan penenangan hati Rasulullah s.a.w.:

كَأَنَّهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَ مَا يُوعَدُونَ لَمْ يَلْبَثُوٓا۟ إِلَّا سَاعَةً مِّن نَّهَارٍ ۚ

"Pada hari mereka melihat 'azab yang diancamkan kepada mereka, mereka merasa seolah-olah mereka tidak tinggal di dunia ini melainkan hanya selama sesa'at sahaja dari siang hari."(35)

Hidup dunia itu adalah satu tempoh yang amat pendek. Hanya sesa'at dari hari siang sahaja. Itulah hidup sekelip mata yang dihayati manusia sebelum hidup Akhirat, dan selepas itu mereka akan menemui kesudahan hidup yang telah ditetapkan Allah, kemudian barulah mereka akan hidup dalam abad yang kekal abadi. Dan hidup sesa'at di dunia ini adalah satu pengumuman amaran yang memberi peringatan kepada manusia sebelum tibanya hari kebinasaan dan 'azab yang amat pedih itu:

بَلَٰغٌ ۚ فَهَلْ يُهْلَكُ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٣٥﴾

"Ini adalah satu pengumuman amaran. Ingatlah tiada yang dibinasakan melainkan kaum yang fasiq."(35)

Ya tidak, kerana Allah tidak mahu menganiayai para hamba-Nya. Ya tidak, supaya penda'wah terus bersabar menempuh kesulitan-kesulitan perjuangan mereka, kerana hidup dunia ini hanya sesa'at sahaja, selepas itu berlakulah apa yang telah ditetapkan Allah akan berlaku.

******